

**SENI PERSEMBAHAN GAMBUS DI JOHOR : ISU KELESTARIAN DAN
PERSEPSI PENGGIAT SENI**

NURSYAHIRA BINTI YAZID

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Seni Persembahan Gambus Di Johor : Isu Kelestarian Dan Persepsi Penggiat Seni

NURSYAHIRA BINTI YAZID

C20B1335

**Laporan penyelidikan ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian (Seni
Persembahan)**

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama: NurSyahira Binti Yazid
No. Kad Pengenalan: 981008-01-6762
Tarikh: 16 Februari 2024



Tandatangan Penyelia

Nama: Prof. Madya Dr Raja
Iskandar Bin Raja Halid
Tarikh: 25 Februari 2024

KELANTAN

PENGHARGAAN

Berkat dan keizinan Allah, saya bersyukur dapat melaksanakan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Dalam usaha untuk menyiapkan projek ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa pihak yang telah memberikan sokongan dan bimbingan yang tidak ternilai harganya.

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada penyelia kursus iaitu Prof Madya Dr. Raja Iskandar bin Raja Halid. Tanpa bimbingan, tunjuk ajar, dan sokongan yang diberikan oleh beliau, saya mungkin tidak akan mampu menyiapkan projek ini dengan sempurna. Setiap nasihat dan panduan yang diberikan telah membuka minda saya terhadap cara yang lebih efektif untuk menjalankan penyelidikan. Pengalaman dan pengetahuan yang beliau kongsi telah menjadi asas yang kukuh bagi kejayaan projek ini.

Selain itu, terima kasih kepada ibu bapa saya atas segala pengorbanan dan sokongan yang mereka berikan. Mereka tidak hanya memberi sokongan moral dan motivasi, tetapi juga memberikan bantuan praktikal dalam pelbagai aspek projek ini. Doa dan dorongan mereka menjadi sumber kekuatan yang memacu saya untuk terus berusaha demi mencapai kejayaan.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan saya yang turut serta membantu dan memberi sokongan sepanjang proses penyelidikan ini. Kolaborasi dan kerjasama yang baik antara kami telah membawa kejayaan kepada projek ini. Setiap bantuan dan nasihat yang diberikan oleh rakan-rakan saya sangat berharga dan tidak ternilai.

Akhir kata, kepada semua yang terlibat, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas segala sokongan, bimbingan, dan pengorbanan yang telah diberikan. Tanpa

bantuan dan dorongan dari setiap individu yang terlibat, projek ini tidak akan mencapai kejayaan yang sama.

Sekian, terima kasih.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Latar Belakang Kajian	3-4
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8-9
1.8 Kesimpulan	9
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Sorotan Kajian Lepas	10

2.2.1 Sejarah Seni Persembahan Gambus	10-12
2.2.2 Kandungan Lagu Seni Persembahan Gambus	12-13
2.2.3 Kajian Mengenai Perkembangan Gambus	13-17
2.3 Kesimpulan	17

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan	18
3.2 Reka Bentuk Kajian	18-19
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	19
3.3.1 Data Primer	20
3.3.1.1 Kaedah Temubual	20
3.3.1.2 Kaedah Kajian Lapangan	21
3.3.2 Data Sekunder	21-22
3.3.2.1 Kajian Perpustakaan	22-23
3.3.2.2 Sumber Internet	23
3.3.3 Instrumen Kajian	24
3.3.3.1 Kamera	25
3.3.3.2 Perakam Suara	25-26
3.3.3.3 Video	26
3.4 Kesimpulan	27

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	28
4.2 Analisis Temubual Responden	29-30
4.3 Struktur Persembahan	31-33
4.3.1 Organisasi Kumpulan	34-35
4.3.2 Susunan Alat Iringan Muzik Gambus	35-36
4.3.3 Lagu Persembahan Gambus	36-38
4.3.4 Busana Persembahan	38-39
4.4 Punca Kemerostan Dalam Seni Persembahan Gambus	39-40
4.4.1 Kekurangan Pemahaman Masyarakat	40-42
4.4.2 Tiada Pengganti Gambus	42-45
4.4.3 Perubahan Gaya Hidup dan Globalisasi	45-48
4.4.4 Kekurangan Sokongan dan Sumber Kewangan	48-50
4.4.5 Kekurangan Platform dan Promosi	50-52
4.5 Persepsi Penggiat Seni Dalam Mengekalkan Seni Persembahan Gambus	53
4.5.1 Penggunaan Sebagai Alat Pendidikan	54-56
4.5.2 Penyesuaian dan Inovasi	56-58
4.5.3 Kerjasama dan Rangkaian	58-59
4.5.4 Kepentingan Rohani	59-61
4.6 Kesimpulan	61-62

BAB 5 CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1 Pengenalan	63
5.2 Cadangan	63-64
5.2.1 Modul Pengajaran dalam Sekolah dan IPTA	64-65
5.2.2 Mengembangkan Platform dan Pendedahan	65-66
5.2.3 Dokumentasi dan Pengarkiban	66-68
5.3 Rumusan	68
RUJUKAN	70-72

SENARAI GAMBAR

Gambar 1 : Peta Daerah Batu Pahat	7
Gambar 2 : Responden Pertama	29
Gambar 3 : Responden Kedua	30
Gambar 4 : Responden Ketiga	30
Gambar 5 : Seni persembahan gambus melibatkan penyanyi dan pemain alat muzik iringan	31
Gambar 6 : Tangkapan Layar	32
Gambar 7 : Tangkapan Layar	33
Gambar 8 : Tangkapan Layar	36
Gambar 9 : Tangkapan Layar	37
Gambar 10 : Tangkapan Layar	41
Gambar 11 : Tangkapan Layar	41
Gambar 12 : Tangkapan Layar	43
Gambar 13 : Tangkapan Layar	43
Gambar 14 : Tangkapan Layar	44
Gambar 15 : Tangkapan Layar	46
Gambar 16 : Tangkapan Layar	48
Gambar 17 : Tangkapan Layar	49
Gambar 18 : Tangkapan Layar	50
Gambar 19 : Tangkapan Layar	51
Gambar 20 : Tangkapan Layar	54
Gambar 21 : Tangkapan Layar	55
Gambar 22 : Tangkapan Layar	57
Gambar 23 : Tangkapan Layar	60

ABSTRAK

Seni persembahan gambus merupakan satu bentuk seni muzik tradisional yang mempunyai akar umbi dalam budaya dan warisan. Di Malaysia, persembahan gambus telah menjadi komponen penting dalam muzik ensemble. Gambus adalah sebuah alat muzik yang telah mewarnai persada muzik negara seperti kumpulan samrah, zapin, ghazal, dan nasyid. Namun, seni persembahan ini menghadapi cabaran yang besar dalam usahanya untuk terus berkembang dan dikekalkan dalam konteks budaya moden. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji struktur persembahan gambus, isu kelestarian dan persepsi penggiat seni dalam mengekalkan seni persembahan gambus di daerah Batu Pahat, Johor. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan tinjauan lapangan, temu bual untuk mengkaji persepsi, pengalaman, dan pendapat penggiat seni tentang seni persembahan gambus. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan dan cadangan untuk memajukan seni persembahan gambus dan memastikan warisan seni tradisional yang berharga ini dapat terus hidup dan berkembang dalam masyarakat Johor.

Kata kunci : gambus, struktur persembahan, isu kelestarian, persepsi

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

Gambus performance art is a traditional musical art form that has deep roots in culture and heritage. In Malaysia, gambus performances have become an important component of ensemble music. Gambus is a musical instrument that has colored the national music scene such as samrah, zapin, ghazal, and nasyid groups. However, this performance art faces great challenges in its efforts to continue to grow and be maintained in the context of modern culture. Therefore, this study aims to examine the structure of gambus performances, sustainability issues, and the perception of artists in maintaining the art of gambus performances in Batu Pahat, Johor. This study will use a qualitative approach involving field surveys, and interviews to study the perceptions, experiences, and opinions of artists about gambus performance art. The results of this study are expected to provide guidance and suggestions to advance the art of gambus performance and ensure that this valuable traditional art heritage can continue to live and grow in the Johor community.

Keywords : gambus, performance structure, sustainability issues, perception

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Seni persembahan di Malaysia mempunyai sejarah panjang yang mencerminkan kepelbagaian warisan budaya dan tradisi negara. Seni persembahan merupakan aktiviti kebudayaan yang diwarisi oleh individu dalam membuat persembahan di hadapan khalayak secara langsung. Seni persembahan mempunyai dua kategori iaitu seni persembahan tradisional dan seni persembahan kontemporari. Kategori-kategori seni ini mempunyai persamaan iaitu dapat melahirkan individu yang berjiwa seni. Individu yang mewarisi bakat dan seni boleh menguasai seni persembahan (Jusoh, 2014).

Seni persembahan tradisional telah berkembang dan diwariskan oleh masyarakat Melayu di Asia Tenggara, terutamanya Malaysia, Indonesia, Brunei, dan juga Singapura. Menurut Rahmah Bujang dan Wan Abdul Kadir (1997), antara enam kategori utama warisan seni persembahan Melayu di Malaysia adalah muzik tradisional, tarian istana dan rakyat, permainan rakyat, lagu rakyat, teater dan seni mempertahankan diri. Secara umumnya, seni persembahan menggabungkan pelbagai bidang seni untuk menggambarkan identiti budaya dan adat resam orang Melayu.

Kewujudan seni persembahan Melayu bermula sebagai ritual pemujaan yang berfungsi sebagai cara untuk berinteraksi dengan semangat ghaib yang pada mulanya mereka percayai bahawa ritual mengawal kehidupan manusia. Mohamed Ghouse Nasaruddin (1992) menyatakan semasa zaman animisme, kebanyakan seni

persembahan masyarakat Melayu berbentuk jampi dan mantera. Ia sering digunakan dalam upacara kepercayaan animistik, termasuk untuk memuja roh dan semangat nenek moyang mereka (Mohd Kipli Abdul Rahman, 2013) sebelum adanya interaksi dengan dunia luar. Perdagangan dan hubungan dengan budaya lain juga menyumbang kepada variasi dan pengaruh seni persembahan Melayu. Maka, tidak hairanlah jika terdapat beberapa tanda-tanda pengaruh luar dalam seni persembahan Melayu. Kemudiannya, kewujudan hubungan antara pedagang India dan Arab ketika Zaman Empayar Melaka (1411-1511) telah menyebabkan seni persembahan Melayu dipengaruhi agama Islam.

Menerusi pernyataan Matusky dan Tan (1997), bentuk seni persembahan tradisional biasanya diraikan dan dipertontonkan dalam pelbagai perayaan kebudayaan dan majlis perkahwinan. Suasana, gaya penyampaian, dan penggunaan bahasa dialek adalah ciri-ciri kedaerahan dalam seni persembahan Melayu. Pada masa kini, bentuk seni persembahan boleh dikaitkan dengan sesebuah negeri. Contohnya, Mak Yong dan Wayang Kulit berkait dengan Kelantan. Manakala Dabus dan Lotah mempunyai hubungan dengan Perak. Caklempong mempunyai hubungan dengan Negeri Sembilan. Kuda Kepang dan Ghazal mempunyai hubungan dengan Johor.

Seni persembahan Melayu adalah ekspresi seni yang indah dan mempunyai makna yang mendalam dalam konteks budaya dan adat resam orang Melayu. Prinsip dan nilai yang terkandung dalam adat istiadat dan agama Islam membentuk asas budaya Melayu. Prinsip-prinsip ini mengandungi sifat bangsa Melayu yang menjunjung tinggi nilai-nilai seperti kesopanan, kebaikan dan saling menghormati. Ia bukan sekadar hiburan tetapi ia juga berfungsi sebagai cara bercerita, menyampaikan mitos, legenda, dan ajaran moral dalam melestarikan ciri budaya Melayu. Seni persembahan Melayu memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan

mewariskan warisan budaya kepada generasi akan datang dalam memastikan kelangsungan dan keberlanjutan kekayaan seni dan budaya Melayu.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kesenian dan kebudayaan saling berkait dalam membentuk identiti sesebuah masyarakat. Batu Pahat yang terletak di sebuah daerah Johor memiliki warisan seni persembahan yang kaya. Johor mempunyai sejarah yang kaya dalam perkembangan seni persembahan kerana ia dipengaruhi oleh pelbagai sumber, seperti budaya Bugis, Hadhrami, dan Jawa. Terdapat beberapa jenis seni persembahan yang wujud antaranya ghazal Johor, zapin, kuda kepong, hamdolak, kemplingan dan sebagainya. Namun, pengkaji mendapati bahawa seni persembahan gambus semakin dilupakan oleh masyarakat dalam negeri ini disebabkan oleh peredaran zaman dan pertumbuhan teknologi yang membangun. Pada era globalisasi, teknologi canggih mempengaruhi cara hidup dan hiburan masyarakat. Terdapat pelbagai bentuk hiburan moden yang lebih mudah diakses seperti televisyen, filem, muzik digital dan media sosial yang menarik minat masyarakat.

Perkataan Oud berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud kayu, ranting, tangkai mudah lentur atau sepotong kayu. Oud juga dirujuk sebagai komuz, kobuz, qupuz atau gambus. Gambus ialah alat muzik bertali tanpa fret yang dipetik menghasilkan bunyi melalui susunan tali yang bergetar. Orang Arab yang datang dari kepulauan Indonesia pada abad ke-14 dipercayai membawa alat muzik gambus ini ke Semenanjung Malaysia. Menurut Jaap Kunst (1934) mengatakan bahawa bentuk gambus seakan buah pir. Gambus tergolong dalam kategori kordofon yang diperincikan mengikut sarjana iaitu Sachs dan Hornbostel. Gambus Arab (Hadramaut)

dan Gambus Melayu (Hijaz) adalah dua jenis gambus yang wujud di Kepulauan Melayu.

Oud, alat muzik yang dikenali sebagai gambus Arab (Hadramaut) dikatakan telah wujud dari Timur Tengah (Mohd Anis, 1993, ms. 62). Menurut Ab. Aziz Shuaib dan Raja Iskandar Raja Halid (2011), kesenian Melayu seperti tarian zapin Johor dan penggunaan alat seperti gambus atau 'oud' dipengaruhi oleh Timur Tengah. Gambus dihasilkan daripada kayu dan rekaan bentuknya tidak terlalu bujur. Pelbagai jenis kayu yang biasa digunakan dalam menghasilkan gambus Johor iaitu kayu durian belanda, seraya bunga, leban, dan mahang. Hal ini disebabkan, kayu jenis ini lebih kukuh dan mempunyai kualiti bunyi yang bagus. Oleh kerana bunyinya yang merdu dan nyaring, gambus jenis ini lebih kerap dipakai berbanding gambus Melayu. Bahkan, setiap aspek pembuatan dan hasil kerja tangannya adalah lebih halus, berseni, dan menarik.

Terdapat juga gambus Melayu, juga dikenali sebagai gambus Hijaz. Di Johor, ia juga dikenali dengan nama gambus sampan atau gambus biawak. Ini mungkin kerana bentuknya seperti sampan dan di bahagian hadapan muka gambus tersebut ditutupi dengan kulit biawak. Gambus jenis ini mempunyai reka bentuk bujur dengan lapan tali. Alat ini dihasilkan daripada kayu, dan permukaannya diperbuat daripada kulit binatang, sama ada kulit kambing atau biawak. Dari segi bunyi, gambus Melayu ini lebih kasar dan kurang merdu.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian yang dikenal pasti oleh pengkaji ialah kurangnya kesedaran masyarakat terhadap seni persembahan gambus di Batu Pahat, Johor. Perkembangan seni muzik tradisional banyak dipengaruhi oleh pengaruh muzik Barat, yang bermula pada pertengahan abad ke-20. Apabila muzik berkembang dari masa ke semasa, banyak alat muzik tradisional lain termasuk gambus Johor tidak begitu dikenali secara meluas. Ini berikutan, masyarakat pada masa kini lebih meminati irama moden atau barat kerana ia lebih menepati jiwa dan cita rasa mereka berbanding irama muzik tradisional yang telah mengangkat darjat masyarakat Melayu khususnya. Generasi muda juga tidak didedahkan dengan seni persembahan gambus dan kebanyakan mereka masih tidak tahu mengenainya, tidak berminat, serta beranggapan mendengarnya sahaja akan membuatkan mereka mudah bosan.

Permasalahan kajian yang kedua pula ialah cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni gambus Johor untuk bertahan sebagai pemuzik tradisional sepenuh masa. Hampir semua akademi muzik tidak memberikan pelajaran tentang instrumen tradisional Malaysia. Akibatnya, penggiat seni muzik tradisional di Malaysia kurang peluang pekerjaan berbanding alat muzik moden lain. Bahkan, tidak ramai komposer muzik di Malaysia hari ini menggunakan alat muzik tradisional dalam karya mereka. Ini kerana, majoriti jawatan pemuzik biasanya memerlukan alat muzik barat atau moden sahaja seperti gitar, biola, piano dan cello. Kesukaran yang dihadapi dalam kesenian ini juga berpunca daripada kekurangan pengetahuan dan kekangan kemahiran pendendangnya dalam mempersembahkan alat muzik tradisional Malaysia seperti gambus Johor. Ini memberi kesan kepada penggiat seni muzik gambus di Malaysia serta menjejaskan penonjolan budaya kepada para pelancong menerusi majlis-majlis kerajaan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat khusus tentang kemerosotan seni persembahan gambus. Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

- Mengkaji struktur persembahan gambus
- Menganalisis punca kemerosotan yang dialami dalam seni persembahan gambus dalam kalangan penggiat seni.
- Mengenal pasti persepsi penggiat seni dalam mengekalkan seni persembahan gambus Johor.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian bagi penyelidikan ini merangkumi perspektif berikut :

- Bagaimanakah struktur persembahan gambus di Johor?
- Apakah punca kemerosotan yang dihadapi dalam seni persembahan gambus dalam kalangan penggiat seni?
- Bagaimanakah persepsi penggiat seni dalam mengekalkan seni persembahan gambus di Johor?

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian bermaksud batasan yang ditetapkan oleh pengkaji untuk menjalankan penyelidikan. Ini membantu dalam mengatur fokus penyelidikan yang perlu diambil kira oleh pengkaji untuk mendapatkan akses maklumat yang diperlukan. Dengan menetapkan skop kajian dengan jelas, pengkaji dapat memastikan penyelidikan tertumpu dan terarah serta dapat menghasilkan penemuan yang relevan dan memuaskan. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih daerah Batu Pahat, Johor sebagai lokasi bagi melaksanakan kajian mengenai seni persembahan gambus secara spesifik.



Gambar 1 : Peta Daerah Batu Pahat

Berdasarkan peta di atas, kajian ini menunjukkan lokasi Batu Pahat, Johor. Bersesuaian dengan objektif kajian ini, ia turut memfokuskan kepada kajian untuk menyelidiki punca kemerosotan yang dialami serta persepsi penggiat seni dalam usaha mengekalkan seni persembahan gambus di Johor. Penyelidikan ini akan melibatkan temu bual bersama penggiat seni muzik gambus mengenai kesukaran atau masalah yang mereka hadapi, khususnya di daerah Batu Pahat kerana daerah ini dikenali sebagai lokasi awal di mana seni ini diperkenalkan dan memiliki kumpulan khas yang terkenal dalam seni persembahan gambus.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Tajuk kajian ini dipilih oleh pengkaji setelah menentukan kepentingan dan manfaat kajian yang diperoleh daripada hasil kajian terdahulu untuk pelbagai pihak. Dalam jangka masa panjang, kajian ini akan memberikan manfaat dan peluang kepada penyelidik untuk mengkaji usaha-usaha baru yang belum dikaji sebelumnya bagi memperkukuhkan dan memartabatkan kesenian ini.

Generasi akan datang dapat menjadikan kajian ini sebagai salah satu sumber rujukan penting untuk memahami dengan lebih jelas mengenai sejarah, budaya dan keunikan muzik gambus. Kepentingan lain adalah generasi dapat mengembangkan penghayatan yang lebih mendalam dalam memajukan muzik tradisional gambus. Bukan itu saja, kajian ini boleh memberi sedikit gambaran tentang seni persembahan gambus kepada masyarakat. Kepentingan penyelidikan ini juga penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap seni persembahan gambus yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri agar warisan budaya dan identiti yang dikaitkan dengan muzik gambus dapat dikekalkan.

Kajian ini dijangka dapat menggalakkan pengkaji akan datang menerusi institusi pengajian tinggi untuk memperkayakan gambus di dalam kurikulum dan program pendidikan mereka manakala penggemar seni dan pihak yang bertanggungjawab berkolaborasi atau menggabungkan elemen tradisional dan inovatif dalam perkembangan kesenian ini. Akhir sekali, penyelidikan mengenai seni persembahan gambus di Johor diharapkan dapat menyokong penyelidikan baharu mengenai seni persembahan di negeri ini dan Malaysia secara keseluruhan. Oleh kerana Johor mempunyai pelbagai jenis seni persembahan yang masih belum diselidiki dan diteliti dengan betul, kajian ini diharapkan dapat mencetuskan minat

kedua-dua penyelidik tempatan dan antarabangsa untuk mengkaji pelbagai genre seni persembahan Johor.

1.8 KESIMPULAN

Tidak dinafikan hampir semua alat muzik tradisional di Malaysia menghadapi kepupusan akibat pemodenan dan perubahan gaya hidup rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, ia seharusnya menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan kelestarian gambus Johor serta alat muzik tradisional yang lain. Untuk mencapai matlamat ini, semua pihak perlu mengambil bahagian dan bekerja sebagai satu pasukan. Justeru, kita hendaklah sentiasa menghargai dan berasa bangga dengan budaya dan warisan kita. Ini juga bergantung kepada isu dan cabaran yang dihadapi kerana perancangan selanjutnya diperlukan untuk mempertingkatkan instrumen dan muzik gambus Johor pada masa hadapan. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji punca kemerosotan seni persembahan gambus serta bagaimana tanggapan penggiat seni terhadapnya. Dengan mencapai matlamat yang ditetapkan, ia meningkatkan kesedaran tentang keperluan untuk menghasilkan dan mengekalkan alat muzik yang telah diiktiraf sebagai alat muzik tradisional Melayu agar generasi akan datang dapat mengenali dan menghargai keseniannya.

MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menggunakan data atau bahan yang telah diterbitkan oleh penyelidik lain atau sumber yang boleh dipercayai. Bagi membuat kajian, pengkaji akan mencari bahan rujukan seperti tesis, jurnal, dan buku yang berkaitan tentang seni persembahan gambus. Pengkaji boleh mengumpul data dan mendapatkan pengetahuan awal dengan kajian terdahulu. Beberapa kajian lepas boleh dikenal pasti dan membantu pengkaji mempelajari sedikit sebanyak tentang penyelidikan yang akan dilaksanakan.

2.2 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai alat muzik gambus yang telah dijalankan pada masa lalu akan dibincangkan dalam bab ini. Di samping itu, bahagian ini akan menghuraikan maklumat dengan terperinci mengenai tajuk kajian. Pengkaji akan membahagi bahan rujukan kajian kepada pelbagai bahagian. Antaranya ialah :

2.2.1 Sejarah Seni Persembahan Gambus

Gambus adalah alat muzik bertali tanpa fret yang amat digemari di Malaysia, khususnya di negeri Johor. Talinya bergetar untuk menghasilkan bunyi apabila dipetik. Gambus selalunya dimainkan oleh orang Melayu di Malaysia (Teuku Iskandar, 1984; Wilkinson, 1959). Alat muzik ini dikatakan wujud daripada perkataan Arab dan negara-negara Timur Tengah. Dalam kebanyakan kamus, ensiklopedia, dan buku,

gambus ditakrifkan sebagai alat muzik yang dikaitkan dengan budaya Arab. Menurut Gullick JM (1967), sekitar akhir abad keempat belas Masihi, pedagang dari Timur Tengah telah membawa muzik gambus ke Malaysia. Raja Zulkarnain (2013) turut berpendapat bahawa alat ini hampir serupa dengan oud yang membawa makna kayu, ranting, atau tangkai yang mudah dilentur. Tambahnya lagi, nama gambus dikaitkan dengan Tanah Melayu yang terdiri daripada Singapura, Malaysia, Brunei, dan Indonesia.

Satu pertukaran budaya telah berlaku di mana seni muzik, lagu-lagu dan tarian telah menjadi sebahagian daripada pertukaran ini. Menurut Nurnabilla Binti Rosli (2013), proses adaptasi budaya dari dunia Arab menyebabkan gambus berkembang menjadi salah satu alat muzik tradisional budaya tempatan. Pada mulanya, ia hanya dimainkan untuk meluangkan masa selepas bekerja dan memberi nasihat melalui lagu yang dipersembahkan. Lama kelamaan, masyarakat setempat menggunakan alat muzik gambus sebagai salah satu hiburan di samping beristirahat. Kumpulan gambus memainkan peranan penting dalam persembahan di majlis perkahwinan orang Melayu di Johor. Biasanya, kumpulan muzik ini beraksi dari pukul 11 pagi hingga larut malam.

Pelbagai jenis persembahan turut menggunakan gambus sebagai alat muzik. Ini termasuk kumpulan seperti gambus, ghazal melayu johor, zapin, samrah, hamdolok, qasidah, dan nasyid. Di Malaysia, pemuzik gambus wanita bernama Fauziah Gambus juga wujud, tetapi pada mulanya hanya lelaki yang memainkan alat tersebut (M. Kinzer, 2017). Kini, struktur muzik gambus mengikut konsep muzik tradisional Melayu. Penggunaannya adalah dihadkan dan hanya digunakan semasa majlis keramaian dan keagamaan seperti majlis perkahwinan, berbuka puasa dan acara tradisi sahaja. Menurut Muhammad Asyraf dan Kamal Sabran, gambus kini dianggap

sebagai alat muzik negara Malaysia (2023). Daerah Batu Pahat, Johor menerima penghormatan Petunjuk Geografi (GI) daripada Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) untuk pembuatan alat muzik gambus. Kini, ia menjadi identiti budaya Johor yang menyumbang kepada peningkatan industri seni kraf dan pelancongan di Johor (M. Kinzer, 2017; Mohmad Azaman, 2020).

Menurut "Koleksi Terpilih Gambus Serantau" yang ditulis oleh Mohd Azmi bin Mohd Yusof (2020, ms 14), perbezaan antara gambus Arab dan Turki terletak pada gaya bunyi yang berbeza. Gambus Turki menghasilkan bunyi yang lebih bergema dan nyaring manakala gambus Arab menghasilkan bunyi yang lebih mendap dan kurang bergema. Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof (2013) juga menyatakan bahawa perbandingan antara tradisi Melayu dan Arab dalam beberapa aspek. Secara amnya, terdapat kefahaman yang sangat lemah dan pengetahuan yang tidak mencukupi, termasuk perbezaan dalam kaedah mengajar oud. Banyak kaedah sistematik telah wujud di Timur Tengah namun sistem hafalan masih digunakan di rantau ini.

2.2.2 Kandungan Lagu Seni Persembahan Gambus

Kandungan lagu gambus berkonsepkan elemen keislaman, bersifat ketuhanan dan menyebarkan dakwah kepada orang ramai untuk mengikuti ajaran Islam. Menurut Hilarian (2006), muzik gambus memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu dan muzik tradisional. Di antaranya, lagu-lagu kebaktian Islam menjadi popular sejak kedatangan kumpulan Islam terkenal seperti Raihan, Hajjaz, Rabbani, Brothers, Hawa, dan Solehah. Lagu-lagu daripada Timur Tengah turut dipengaruhi oleh penyanyi terkenal seperti Sheikh Muhammad Abdul Wahab, Farid El-Atrash,

Fairuz, dan Ummi Kalthum. Lagu-lagu nasyid, qasidah, dan mawwal yang berunsur agama biasanya menggunakan gambus sebagai alat muzik utama.

Gambus juga digunakan sebagai iringan untuk lagu-lagu Melayu tradisional, seperti 'Lancang Kuning', 'Anak Ayam Turun Sepuluh' dan 'Selamat Pengantin Baru'. Pencipta lagu-lagu ini tidak diketahui bila, di mana dan sebabnya. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh fakta bahawa orang Melayu pada zaman dahulu cenderung untuk tidak menyebut nama atau jasa orang lain. Merendah diri adalah sesuatu yang mereka suka (Mahmud Ahmad, 1960). Merriam (1964) menyatakan bahawa dalam kehidupan manusia, muzik melakukan tujuh peranan penting. Ia termasuk muzik untuk kerja, upacara perubatan, drama dan tarian, upacara sembahyang dan doa, peristiwa kehidupan seperti kelahiran dan perkahwinan, serta teks yang mengandungi makna bahasa yang terkandung dalam lirik.

2.2.3 Kajian Mengenai Perkembangan Gambus

Prestasi alat muzik ini meningkat pada tahun 1960-an dan 1970-an, apabila muzik gambus menjadi tumpuan dalam majlis keramaian dan majlis rasmi negeri. Hilarian (2005) menyatakan bahawa alat muzik gambus ini banyak digunakan dalam persembahan muzik di Malaysia. Tradisi seni persembahan Melayu termasuk gambus telah menghadapi beberapa cabaran dan perubahan seiring dengan kemajuan zaman dan globalisasi. Pada 1980-an, muzik gambus tidak lagi dimainkan di majlis keramaian.

Peranan gambus bukan hanya dalam konteks seni dan budaya Melayu, tetapi juga sebagai lambang keislaman dan warisan keagamaan yang penting dalam sejarah dan identiti Malaysia. M. Kinzer (2017) menyatakan bahawa muzik gambus ini melambangkan identiti Islam yang kukuh dalam sejarah Melayu dan Malaysia. Mohd

Nizam Attan (2019) turut berpendapat bahawa bunyi gambus sering dikaitkan dengan elemen Islam. Ia terbukti bahawa alat muzik ini digunakan dalam persembahan nasyid, qasidah, dan mawwal yang merupakan bentuk muzik berunsur Islam. Walaupun gambus dianggap sebagai alat muzik yang melambangkan identiti Islam, penggunaannya semakin terhad jika dibandingkan dengan alat muzik kontemporari dan barat seperti saksofon, gitar, gendang, dan biola. Ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan masyarakat untuk mendengar jenis muzik moden yang lebih kerap ditunjukkan dalam media dan persembahan muzik hari ini. Sekiranya stesen televisyen dan radio menggunakan petikan muzik gambus apabila azan dilaungkan atau memainkan lagu-lagu melodi gambus menjelang bulan Ramadhan, ini menunjukkan usaha untuk memajukan agama Islam melalui media dan seni muzik tradisional yang berunsur Islam.

Menurut kajian Mohd Nizam Attan (2021), Attan Hassan adalah orang pertama yang membawa gambus Arab di pantai barat Johor khususnya di Batu Pahat dan daerah Pontian. Pengenalan gambus Arab kepada masyarakat setempat telah membuka pintu kepada perkembangan seni persembahan gambus di kawasan tersebut. Beliau yang lebih dikenali sebagai Ustaz Attan gemar mendengar muzik Arab dari Timur Tengah, khususnya Mesir. Kehadirannya tidak hanya memberi impak dalam kalangan pendengar muzik, tetapi juga mendorong penyebaran dan penerimaan alat muzik gambus dalam budaya tempatan. Selain itu, sumbangan Ustaz Attan juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan mewarisi legasi seni persembahan gambus kepada generasi akan datang, menjadikan beliau seorang tokoh yang disegani dalam sejarah kesenian tradisional di Johor.

Gambus Johor merupakan salah satu alat muzik tradisional yang berharga dalam sejarah Malaysia dan identiti negara. Alat muzik ini dimainkan bukan sahaja

untuk mengisi masa lapang, tetapi juga untuk memberi nasihat melalui lagu-lagu yang diketengahkan. Namun, generasi muda tidak memainkan alat muzik ini, sebaliknya hanya penggiat seni. Mohd Nizam Attan (2013) menyatakan bahawa majoriti generasi muda tidak menganggap muzik tradisional sebagai sumber hiburan mereka. Generasi muda melihat seni persembahan gambus sebagai ketinggalan zaman, tidak menarik atau tidak relevan dalam konteks budaya yang berkembang. Selain itu, tidak banyak sekolah rendah dan menengah di Malaysia yang mempunyai kelab muzik atau sukatan pelajaran pendidikan muzik yang mempunyai alat muzik gambus. Menurut Mohammad Haris Abd Azis (2021), sistem pendidikan harus memainkan peranan dalam menggali bakat dan menghasilkan modal insan inovatif dan kreatif yang boleh membantu pertumbuhan industri kreatif Malaysia pada masa akan datang. Ini kerana keupayaan negara untuk menjadi pengeluar produk seni budaya dan masa depan bergantung kepada sistem pendidikannya, yang boleh menghasilkan tenaga kerja industri kreatif yang berkualiti tinggi.

Salah satu komponen utama perubahan masyarakat ialah kemajuan dalam cara hidup dan penyesuaian dengan persekitaran. Menurut Abdul Latif Abu Bakar (1985), kebudayaan masyarakat Melayu ini telah berubah selepas melalui proses perubahan dan penyesuaian. Ini bermakna orang Melayu perlu mengubah aspek kebudayaan mereka untuk kekal relevan dan berguna apabila persekitaran mereka berubah seperti kemajuan teknologi atau interaksi dengan budaya lain. Ab Samad (2015) menyatakan bahawa muzik Melayu telah berkembang hasil daripada penggabungan alat muzik moden dan alat muzik tradisional. Ini terbukti bahawa perkembangan muzik terkini lebih memberi tumpuan kepada budaya popular yang sedikit sebanyak meminggirkan muzik tradisional seperti gambus dari menjadi pilihan masyarakat Melayu. Tambahan pula, Netti (1985) menyatakan bahawa masyarakat Melayu menganggap muzik barat

sebagai "muzik mereka." Hal ini menunjukkan proses akulturasi di mana muzik barat diintegrasikan ke dalam budaya muzik masyarakat Melayu. Pengaruh ini dapat kita lihat dalam genre dan gaya muzik Melayu moden yang lebih mencerminkan elemen muzik barat.

Dalam "The Gambus (Lutes) of the Malay World", karya Larry Francis Hilarian (2005), ia menyokong pernyataan bahawa terdapat kekurangan penerbitan dalam bahasa Inggeris atau Melayu mengenai gambus atau muzik Melayu secara umum. Pernyataan ini menunjukkan bahawa tiada kajian lepas dalam bahasa yang lebih biasa digunakan di Malaysia. Bahan untuk mencari maklumat tentang alat muzik ini menjadi terhad kerana kajian yang mendalam tentang gambus atau muzik Melayu secara umum hanya tersedia dalam bahasa yang terbatas seperti bahasa yang kurang dikenali. Hal ini menyebabkan kurangnya pemahaman dan pengetahuan yang luas tentang gambus dan muzik Melayu di kalangan masyarakat Malaysia sendiri.

Seni suara terbahagi kepada dua iaitu seni suara tanpa muzik dan yang diiringi muzik. Menurut Ismail Hamid (1998), seni suara tanpa diiringi muzik telah wujud dalam masyarakat Melayu kerana pengaruh Islam tidak menggalakkan penggunaan alat-alat muzik untuk mengiringi nyanyian. Terdapat petikan daripada jurnal yang diterbitkan oleh Lukmanul Hakim, Zulkifli Mohamad, dan Raja Raziff yang berkaitan dengan penggunaan alat bertali :

"Yang masyhur di dalam mazhab-mazhab yang empat (al-Hanafiyyah, al-Malikiyyah, al-Shafiiyyah dan al-Hanabilah) bahawa penggunaan alat muzik yang membangkitkan rasa suka, duka atau keberahian seperti ud, gambus, biola, piano, gendang, seruling, serunai dan lain-lain adalah haram."

(2014, ms 101)

Menurut Rahmah Haji Bujang (2007) dalam karya "Wadah Wahana Seni Persembahan", banyak hadith mau'du (ciptaan) dan da'if (lemah) atau maqtu' (terputus sanad) melarang nyanyian dan penggunaan alat muzik tertentu terutamanya aerofon (tiup) dan kordofon (bertali). Islam mempunyai pandangan yang rumit tentang hukum yang berkaitan dengan penggunaan alat muzik dalam konteks seni dan hiburan. Beberapa ulama mengambil dalil daripada ayat Al-Quran dan hadis yang mereka tafsirkan sebagai larangan penggunaan alat muzik tertentu, terutamanya yang dianggap menimbulkan keberahian atau mempengaruhi perilaku yang tidak sepatutnya dipelajari oleh orang Islam. Namun, ada pendapat lain yang mengatakan bahawa alat muzik boleh digunakan jika ia tidak melanggar prinsip agama.

2.3 KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa banyak kajian telah dilakukan oleh beberapa pengkaji sebelum ini mengenai seni persembahan gambus, terutamanya di Batu Pahat, Johor. Untuk mengekalkan aktiviti warisan budaya yang berfungsi sebagai lambang identiti sesuatu tempat, seni persembahan gambus harus dikekalkan secara berterusan. Malaysia kini berkembang dengan pesat sebagai sebuah negara yang menuju ke arah pemodenan. Oleh itu, untuk memastikan seni persembahan ini tidak dilupakan begitu sahaja dalam mengejar kecanggihan dunia, ia mesti dikembangkan kepada generasi muda. Seni persembahan ini boleh menjadi produk pelancongan di negeri Johor dan Malaysia. Penyelidikan mendapati bahawa seni persembahan gambus masih dipersembahkan sehingga hari ini, walaupun ia tidak sepopular seperti dahulu. Pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil tindakan yang berkesan untuk memastikan seni persembahan gambus ini kekal.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan strategi atau pendekatan yang boleh digunakan untuk merekabentuk, mengumpul dan menilai data bagi mencipta bukti yang menyokong sesuatu kajian yang sedang dijalankan. Memahami subjek atau bidang penyelidikan ini bertujuan untuk mengumpulkan semua data yang diperlukan untuk menghasilkan laporan yang lengkap. Metodologi penyelidikan yang paling berkesan boleh menyelesaikan sebarang permasalahan yang mungkin timbul sering dirujuk sebagai langkah yang paling sesuai untuk digunakan dalam kajian. Oleh itu, ini merujuk kepada strategi yang digunakan untuk mencapai objektif tertentu bagi memenuhi matlamat penyelidikan. Metodologi kajian ini membolehkan pengkaji mencipta rangka kerja penyelidikan yang lebih tersusun dan sistematik. Ini akan membantu pengkaji lain mendapatkan maklumat dan data. Segala data dan maklumat yang diperolehi adalah bertujuan untuk mengukuhkan fakta yang dibuat oleh pengkaji.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah kaedah pengolahan data yang memerlukan perancangan khusus dan sistematik untuk mewujudkan rangkaian hubungan antara pembolehubah yang dikaji (Kerlinger 1970). Dalam penyelidikan kualitatif dan kuantitatif, reka bentuk tinjauan ialah satu proses di mana penyelidik menjalankan kajian ke atas sampel atau keseluruhan populasi, menurut kenyataan Creswell (2005).

Secara keseluruhannya, reka bentuk kajian dan kaedah yang digunakan untuk menjalankan kedua-duanya mempengaruhi hasil kajian, manakala matlamat kajian menentukan reka bentuknya. Melalui analisis pelbagai sumber primer dan sekunder, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif.

3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan deskriptif kualitatif, yang melibatkan pengumpulan data primer melalui temu bual dan kajian lapangan. Temubual dilakukan dengan pihak-pihak tertentu atau penggiat seni gambus untuk mendapatkan pandangan dan pengalaman mereka dalam seni muzik gambus. Manakala, kajian lapangan melakukan pemerhatian langsung di tempat-tempat atau acara yang berkaitan dengan muzik gambus untuk memahami penggunaannya secara nyata. Selain itu, pengumpulan melalui data sekunder melalui kajian perpustakaan, menganalisisnya berdasarkan rumusan masalah, dan kemudian merumuskan dapatan dalam laporan bertulis. Sumber data dalam bentuk buku rujukan berkaitan penggunaan muzik gambus. Buku rujukan, bahan bacaan, tesis dan jurnal berkaitan penyelidikan digunakan sebagai sumber data kajian. Selain itu, pengumpulan sumber ialah proses yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengumpul sumber, data, atau tinggalan sejarah. Tujuan analisis data adalah untuk menentukan sama ada sumber itu menggambarkan dengan tepat peristiwa sejarah dan bagaimana ini berkaitan dengan penggunaan muzik gambus di Malaysia. Penulisan hasil kajian sejarah ini memberikan bayangan yang lebih jelas tentang proses penyelidikan dari awal hingga akhir.

3.3.1 Data Primer

Salah satu data penting dalam penyelidikan ialah data primer. Untuk menjalankan penyelidikan ini, pengkaji telah menentukan untuk mengumpul data primer. Tambahan pula, data primer boleh dijana secara langsung tanpa menggunakan perantara lain. Antara kaedah yang boleh digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data primer untuk kajian ini ialah:

3.3.1.1 Kaedah Temubual

Kaedah temu bual merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang melibatkan pengumpulan data melalui sesi temu bual dengan responden. Ia melibatkan soal jawab antara pengkaji dan responden untuk memahami pandangan, pengalaman dan persepsi responden mengenai topik tertentu. Apabila temu bual dijalankan secara bersemuka, melalui telefon, atau melalui internet, ia membolehkan pengkaji mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam dan berkualiti daripada responden.

Kaedah temubual semi-struktur adalah pendekatan yang baik untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dalam kajian pengkaji. Dengan pendekatan yang bersifat separa formal dan komunikasi dua hala, pengkaji akan mempunyai peluang untuk mendapatkan pandangan dan perspektif yang lebih luas daripada responden, terutamanya dari penggiat seni yang tinggal di Batu Pahat. Penggunaan kaedah temubual ini akan membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih relevan. Ia juga memberi pengkaji ruang untuk menyesuaikan pertanyaan mengikut respons dan perkembangan bualan semasa temubual.

3.3.1.2 Kaedah Kajian Lapangan

Kedah kajian lapangan merujuk kepada pendekatan di mana pengkaji melakukan pengumpulan data dan menjalankan penyelidikan dengan pergi ke lokasi atau tempat di mana kajian berlaku. Pendekatan ini membolehkan pengkaji untuk mengumpul data secara langsung daripada situasi sebenar dan berinteraksi dengan responden secara dekat. Pengkaji mesti mengenal pasti lokasi yang relevan dengan topik kajian dan mampu menyediakan maklumat yang relevan dan penting untuk penyelidikan. Data yang diperoleh dari lapangan akan dianalisis untuk mendedahkan corak, tema, atau hubungan yang berkaitan dengan topik kajian.

Pengkaji telah memilih lokasi Batu Pahat untuk menjalankan kajian lapangan. Hal ini adalah penting untuk mendapatkan data yang tepat dan menganalisisnya dengan teliti. Kaedah kajian lapangan membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat mendalam, konteks sebenar, dan pandangan yang lebih luas tentang topik kajian. Walaupun ia melibatkan perancangan yang lebih kompleks dan boleh mengambil masa yang lebih lama, kaedah ini secara amnya dianggap penting dalam penyelidikan untuk menjana data yang relevan dan kualitatif.

3.3.2 Data Sekunder

Kaedah sekunder adalah kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan data dari sumber-sumber yang sudah wujud sebelum ini. Dalam kajian seni persembahan gambus, pengkaji akan mengumpul maklumat dari bahan-bahan ilmiah seperti buku rujukan, bahan bacaan, tesis, jurnal, dan sumber-sumber di internet yang berkaitan dengan topik kajian. Maklumat yang diperoleh dari kaedah sekunder ini akan berfungsi sebagai panduan dan rujukan yang membantu dalam menjalankan kajian. Penggunaan kaedah sekunder ini mempunyai kelebihan, termasuk

akses mudah kepada maklumat atau sumber yang telah dikumpulkan sebelum ini. Tambahan pula, kaedah ini membolehkan pengkaji memanfaatkan maklumat dari kajian-kajian terdahulu dan menyediakan dasar teori atau latar belakang yang kukuh bagi kajian yang sedang dijalankan.

3.3.2.1 Kajian Perpustakaan

Kaedah kepustakaan adalah langkah penting dalam penyelidikan kerana memberikan gambaran awal tentang topik yang akan dikaji dan menjadi sumber rujukan yang berharga sepanjang kajian. Pengumpulan maklumat kajian kepustakaan melibatkan penelitian dan penerokaan sumber-sumber ilmiah yang telah diterbitkan oleh penyelidik terdahulu. Penggunaan bahan-bahan ilmiah seperti buku rujukan, bahan bacaan, tesis, jurnal, dan sumber lain membantu pengkaji untuk memahami aspek dan isi yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu. Ini membolehkan pengkaji untuk menyusun rangka kerja teoritikal, mengenal pasti isu-isu kajian yang relevan, dan menentukan pendekatan penyelidikan yang sesuai.

Melalui kunjungan ke perpustakaan seperti Perpustakaan Negara, Perpustakaan Kuala Lumpur, dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pengkaji telah mendapatkan akses kepada bahan-bahan bertulis dan bercetak yang berkaitan dengan topik kajian. Ini membolehkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat terperinci dan pemahaman yang mendalam mengenai topik tersebut. Tujuan pengumpulan maklumat kajian kepustakaan ini adalah untuk menyediakan pandangan awal mengenai topik kajian, menentukan kekosongan pengetahuan yang mungkin diperlukan untuk melengkapkan kajian, memberikan perspektif yang lebih luas tentang topik kajian dan memperkukuhkan pendekatan penyelidikan yang dipilih. Kaedah kepustakaan membolehkan penyelidik membuat penyusunan kajian yang

lebih sistematik, memperoleh asas teori yang kukuh, dan membuat sumbangan yang berbeza kepada bidang penyelidikan tersebut.

3.3.2.2 Sumber Internet

Penggunaan rujukan melalui internet adalah kaedah yang semakin popular dalam penyelidikan kerana ia membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang sukar dicari, terutamanya dari sumber-sumber seperti buku, jurnal, dan artikel. Internet memudahkan akses kepada pelbagai sumber dalam talian. Pengkaji boleh mencari maklumat terkini dengan menggunakan kaedah sumber internet kerana sumber dalam talian sering mengandungi maklumat terkini yang mungkin belum diterbitkan dalam bentuk buku atau jurnal cetakan. Selain itu, kaedah sumber internet memudahkan akses kepada sumber-sumber ilmiah tanpa perlu ke perpustakaan fizikal, yang membolehkan pengkaji mengumpul maklumat dengan lebih cepat dan efisien. Pengkaji turut menggunakan data dari sumber-sumber internet untuk menambah dan memperkukuh maklumat yang telah dikumpulkan daripada buku, jurnal, dan sumber-sumber lain. Tambahan pula, pengkaji menggunakan data daripada sumber internet untuk menambah dan memperkukuh maklumat yang diperolehi daripada buku, jurnal dan sumber lain. Namun begitu, pengkaji mesti menilai keberkesanan dan kebolehpercayaan sumber yang digunakan. Pengkaji harus menyemak kredibiliti sumber yang diperolehi dari internet untuk memastikan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan boleh dipercayai untuk digunakan dalam kajian mereka.

3.3.3 Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan instrumen kajian untuk mengumpul maklumat bagi menjawab persoalan utama kajian. Pemilihan jenis instrumen kajian tertentu bergantung pada tujuan penyelidikan, jenis data yang dikehendaki, dan kaedah yang sesuai untuk mendapatkan maklumat yang relevan dan berkualiti. Ia adalah penting bagi pengkaji untuk merancang dan menggunakan instrumen kajian dengan teliti bagi memastikan data yang diperolehi adalah lengkap dan sesuai untuk menjawab persoalan kajian.

Dalam penyelidikan yang akan dijalankan, tiga jenis instrumen kajian akan dipilih. Antaranya ialah kamera, perakam suara, dan peralatan audio/video yang membolehkan pengkaji merekodkan data dengan cara yang berbeza. Penggunaan tiga jenis instrumen ini membolehkan pengkaji untuk mengumpul data dengan cara yang berbeza, yang memberikan pelbagai perspektif dan sumber data untuk penyelidikan. Dengan menggunakan gabungan kaedah ini, pengkaji akan dapat memahami fenomena kajian dari berbagai sudut pandangan dan memperkukuh maklumat yang diperolehi. Selain itu, pengkaji boleh memerhati dan mengalami fenomena yang dikaji secara langsung dalam persekitaran kajian. Ini akan memberikan mereka pemahaman yang lebih mendalam dan kontekstual tentang topik kajian.

3.3.3.1 Kamera

Penggunaan kamera dalam kajian lapangan adalah alat yang sangat berharga bagi pengkaji. Ia membolehkan pengkaji merekodkan gambar dan visual semasa proses pemerhatian dan penyelidikan di lokasi kajian. Gambar-gambar yang ditangkap oleh kamera akan menjadi bukti dan dokumentasi penting yang menyokong temuan dan hasil kajian pengkaji. Manfaat menggunakan kamera dalam kajian lapangan termasuk merakam peristiwa, interaksi, atau kejadian secara visual. Ini kerana, ia dapat memberikan pandangan lebih jelas dan gambaran yang nyata tentang situasi kajian. Ini membantu untuk menyemak kesahihan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi. Imej-imej tersebut akan berguna sebagai rujukan apabila pengkaji menulis laporan penyelidikan atau memberikan pembentangan.

3.3.3.2 Perakam Suara

Penggunaan perakam suara dalam temubual adalah pendekatan yang bijaksana bagi pengkaji. Perakam suara membolehkan pengkaji merekodkan temubual secara penuh tanpa kehilangan maklumat atau perincian penting semasa berinteraksi dengan responden. Ini memberi pengkaji kebebasan untuk memberi tumpuan sepenuhnya pada temubual dan berinteraksi dengan responden dengan lebih berkesan. Salah satu faedah penggunaan perakam suara dalam temubual ialah ia membolehkan pengkaji merekodkan temubual secara penuh tanpa bergantung kepada catatan tulisan yang mungkin kurang komprehensif atau dapat ketinggalan maklumat. Selain itu, rakaman suara membantu dalam mengekalkan integriti temu bual, memastikan maklumat responden tidak diputarbelitkan atau dipengaruhi oleh tafsiran pengkaji. Dengan perakam suara, pengkaji dapat kembali ke temubual semula untuk mendengar secara teliti, menangkap maklumat penting, dan menganalisis secara menyeluruh pendapat

dan tanggapan responden. Pengkaji juga boleh mengambil nota penting semasa temu bual untuk menandakan elemen penting atau memberi penjelasan tambahan, yang membantu dalam menerangkan isi atau konteks yang mungkin diperlukan semasa analisis data.

3.3.3.3 Video

Penggunaan rakaman video digital adalah penting dalam penyelidikan untuk merakam peristiwa dan interaksi semasa pengumpulan data di lapangan. Ia membolehkan pengkaji merekodkan data dengan tepat dan lengkap, dan ia memudahkan menangani kekeliruan atau ketidakjelasan yang mungkin timbul semasa proses kutipan data. Rakaman video membolehkan pengkaji merekodkan visual dan audio secara serentak semasa pengumpulan data. Fungsi video memberikan pandangan yang lebih menyeluruh dan membolehkan pengkaji memerhati isyarat badan, ekspresi wajah, dan interaksi visual yang berlaku antara responden. Ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan luas tentang situasi kajian. boleh bergantung pada rakaman digital untuk memeriksa interaksi yang telah berlaku, mengesahkan maklumat dan memberikan tafsiran yang lebih tepat semasa analisis data. Rakaman digital juga membantu mengukuhkan kesahihan data dan memberikan bukti kukuh dalam laporan penyelidikan. Sepanjang kajian lapangan, pengkaji harus menyediakan ruang penyimpanan yang mencukupi untuk menyimpan rakaman digital dengan selamat dan memastikan peranti rakaman berfungsi dengan baik.

3.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kaedah kajian yang teratur, komprehensif, dan tepat memainkan peranan penting dalam mengumpul, menganalisis, dan mengemas kini data untuk menjawab persoalan kajian dengan betul. Penggunaan rakaman, catatan, dan analisis maklumat adalah langkah-langkah yang perlu untuk memastikan data yang diperoleh adalah berkualiti tinggi dan relevan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penglibatan penggiat seni dalam memelihara seni persembahan gambus di Batu Pahat, Johor. Dengan menggunakan kaedah temubual, analisis data, dan penggunaan instrumen seperti kamera dan perakam suara, pengkaji akan dapat mengumpulkan maklumat yang tepat bagi mencapai objektif utama kajian. Diharapkan kajian ini akan mencapai matlamatnya dan memberikan wawasan penting dan sumbangan kepada pemahaman masyarakat tentang peranan dan seni persembahan gambus di Batu Pahat, Johor.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dapatan kajian merujuk kepada hasil atau penemuan yang diperoleh semasa proses penyelidikan. Ia melibatkan analisis dan tafsiran data yang dikumpulkan untuk menjawab persoalan kajian dan mencapai matlamat kajian yang telah ditetapkan dalam bab sebelumnya. Dapatan kajian merupakan komponen penting kerana ia menyumbang kepada pemahaman dan pengetahuan dalam bidang tertentu. Menerusi bahagian ini, pengkaji akan membincangkan hasil kajian dan memberikan penjelasan terperinci tentang tiga objektif kajian. Objektif tersebut memfokuskan bagaimana struktur persembahan gambus dibentuk dan diatur, faktor yang menyumbang kepada penurunan populariti dan cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni dalam seni persembahan gambus. Justeru, pengkaji ingin mengetahui sama ada kelestarian seni persembahan gambus Johor ini masih relevan dan diterima oleh generasi muda. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membentuk landasan untuk memahami keunikan seni gambus dan menjelaskan peranannya sebagai medium ekspresi budaya dalam konteks masyarakatnya.

4.2 ANALISIS TEMUBUAL RESPONDEN

Dalam bagian ini, akan dijelaskan data-data yang diperoleh dari hasil temubual bersama responden yang memiliki pengetahuan dan pengalaman tentang seni persembahan gambus di Batu Pahat, Johor. Kaedah temubual yang digunakan adalah kaedah kualitatif. Sesi temubual telah dilakukan dengan tiga orang responden untuk mengumpulkan maklumat tentang kajian ini. Responden pertama yang ditemui adalah Dr. Mohd Nizam Attan, seorang penggiat seni dan pensyarah yang aktif dalam seni muzik gambus. Responden kedua adalah En. Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof, Presiden Persatuan Gambus Malaysia. Terakhir, En. Halidan Bin Ithnin, seorang pakar dalam pembuatan gambus, juga menjadi responden dalam temubual ini.



Gambar 2 : Responden Pertama

Sumber : Google



Gambar 3 : Responden Kedua

Sumber : *Google*



Gambar 4 : Responden Ketiga

Sumber : *Google*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 STRUKTUR PERSEMBAHAN




Gambar 5 : Seni persembahan gambus melibatkan penyanyi dan pemain alat muzik iringan

Sumber : *Google*

Seni persembahan gambus adalah salah satu elemen penting dalam struktur persembahan kerana ia dimainkan oleh penyanyi dan pemuzik. Walaupun struktur seni persembahan gambus boleh berbeza-beza, ia biasanya terdiri daripada tiga bahagian utama. Sesebuah tradisi persembahan, menurut Sarkissian (2000, ms. 121), ialah pertemuan rakan-rakan yang menyampaikan identiti sosial mereka dengan cara yang artistik.

Kumpulan gambus biasanya menganjurkan persembahan gambus di pentas seperti majlis keramaian dan keagamaan. Antara acara yang paling meriah di Johor ialah majlis resepsi perkahwinan. Ia biasanya dihiasi dengan persembahan muzik gambus oleh penggiat seni untuk menyerikan majlis di hadapan raja sehari ketika mereka bersanding. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Nizam Attan (2023), persembahan itu diadakan pada masa yang sama dengan waktu jemputan kenduri itu.


Tujuan persembahan ini bukan sahaja untuk menghiburkan tetamu tetapi juga untuk memberi nasihat kepada mereka melalui lagu-lagu yang dimainkan.



Gambar 6 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 22 Disember 2023

Kumpulan gambus juga melakukan persembahan pada siang hari apabila diminta atau dijemput oleh tuan rumah. Biasanya, persembahan pada siang hari berlangsung dari pukul 11.00 pagi hingga pukul 4.00 petang, walaupun masa persembahan boleh berubah mengikut kehendak tuan rumah. Walau bagaimanapun, persembahan pada siang hari tidak sebanyak persembahan pada waktu malam. Sebelum persembahan, kumpulan gambus akan membuat persiapan. Ini termasuk tempahan persembahan, pemilihan peralatan muzik, latihan pemuzik dan penyanyi, serta pemilihan jenis lagu dan tarian.



Gambar 7 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 22 Disember 2023

Sebelum persembahan gambus, pemimpin kumpulan menetapkan jadual pertemuan dan latihan bersama. Biasanya, kumpulan gambus akan mengadakan dua atau tiga sesi latihan setiap minggu sebelum persembahan. Latihan biasanya dijalankan pada waktu malam selepas solat Isyak. Tujuan latihan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam persembahan dan mencuba lagu-lagu baru untuk dimasukkan ke dalam repertoire. Selain dari latihan, ahli-ahli kumpulan juga dapat berkumpul dan mempereratkan hubungan silaturahim antara mereka. Sebagai permulaan persembahan, para pemain akan memasuki pentas atau lokasi persembahan yang telah disediakan. Susunan pemain dan penyanyi dalam persembahan kumpulan gambus pada siang hari berbeza daripada persembahan pada waktu malam. Selalunya, seni persembahan gambus bermula dengan melodi atau tema muzik yang boleh menimbulkan suasana. Semasa berlangsung, gambus menjadi alat utama untuk mengiringi nyanyian dan tarian.

Pada pertengahan persembahan, pemain gambus akan meneroka melodi dengan lebih mendalam. Mereka boleh menggabungkan variasi melodi untuk mengembangkan tema pada awal persembahan. Pemain gambus boleh menamatkan persembahan dengan mengulangi semula melodi untuk memberikan sentuhan akhir yang menarik. Setelah persembahan selesai, kumpulan gambus akan menilai prestasi mereka dan merancang untuk persembahan seterusnya. Di Johor, tuan rumah akan menyediakan hidangan ringan untuk tetamu yang hadir. Antara hidangan yang biasanya disediakan termasuk roti potong yang dicelup dengan sup tulang dan disajikan dengan kopi 'o' atau teh tarik. Jika persembahan diadakan di rumah orang Arab-Melayu, kopi 'o' biasanya dicampur dengan halia. Ini adalah salah satu tradisi masyarakat Arab-Melayu di Johor.

4.3.1 Organisasi Kumpulan

Mengikut definisi dalam Kamus Dewan, organisasi ialah entiti yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang disusun untuk tujuan tertentu yang mesti tersusun, berkesan dan teratur. Setiap ahli kumpulan mempunyai organisasi mereka sendiri. Oleh itu, setiap ahli bertanggungjawab untuk mengekalkan dan memantapkan struktur organisasi serta meningkatkan pencapaian mereka.


Organisasi terdiri daripada individu yang bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama. Dalam setiap organisasi, ia mestilah mempunyai ketua dan pengikut. Pemimpin memainkan peranan sebagai penggerak utama organisasi, manakala pengikut adalah ahli yang memberikan sokongan padu. Lazimnya, keputusan dalam organisasi memerlukan persetujuan antara pemimpin dan ahli lain. Walaupun organisasi tersebut kecil, ia masih boleh beroperasi dengan cemerlang sekiranya diterajui dengan baik dan mendapat sokongan ahlinya. Selain itu, kumpulan

gambus merupakan salah satu jenis organisasi yang mampu bertahan untuk menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Kehadiran tokoh penggiat seni muzik gambus di Johor, terutamanya di Batu Pahat dan Pontian telah menyebabkan penyebaran seni muzik gambus dalam pelbagai bentuk seperti Nasyid, Zapin, dan penubuhan kumpulan gambus. Pada awal tahun 1960-an, hampir sepuluh Kumpulan Gambus Nurulhilal telah dibentuk di kawasan Batu Pahat dan Pontian (Mohd Nizam Attan, 2023). Pertumbuhan ini juga secara tidak langsung meningkatkan permintaan terhadap alat muzik gambus dan alat iringan lain yang diperlukan untuk persembahan tersebut.

4.3.2 Susunan Alat Iringan Muzik Gambus

Gambus boleh dimainkan secara solo atau dalam kumpulan. Ia membawa melodi dalam sesebuah lagu. Gambus digunakan di Timur Tengah sebagai alat muzik instrumental dalam mengiringi nyanyian dalam orkestra dan ensemble kecil. Selain Timur Tengah, gambus juga digunakan dalam orkes gambus, gambusan, dan kumpulan nasyid di Indonesia. Menurut Mohd Azmi bin Mohd Yusof (2020), persembahan Hamdolok menggunakan gambus Melayu (Hijaz) sementara persembahan kumpulan gambus di Malaysia seperti Ghazal, Zapin Melayu, dan Samrah menggunakan gambus Arab (Hadramawt). Masyarakat Melayu Brunei juga mengembangkan penggunaan gambus Melayu di Sabah. Menurut temubual bersama Mohd Nizam Attan (2023), beliau menyatakan :



Gambar 8 : Tangkapan Layar


Sumber : Temubual bertarikh 22 Disember 2023

Kumpulan gambus biasanya terdiri daripada pemimpin, penyanyi dan ahli. Pemimpin dalam persembahan gambus akan ditempatkan di tengah-tengah pentas dan sedikit lebih depan berbanding pemain muzik lainnya. Pemain-pemain ini biasanya duduk dalam keadaan bersila. Keadaan ini mencipta suasana yang bersahaja, membolehkan pemuzik berinteraksi dengan lebih baik dan meresapi perasaan muzik bersama-sama. Tetapi kedudukan pemuzik tidak sentiasa sama setiap kali persembahan. Kesesuaian tempat persembahan adalah bergantung kepada penganjur. Alat muzik iringan yang digunakan dalam persembahan gambus nusantara hampir sama. Ia boleh mencipta lapisan bunyi yang kaya dan menggambarkan kepelbagaian warisan muzik tradisional Johor dengan kepelbagaian gabungan alat muzik.

4.3.3 Lagu Persembahan Gambus

Seni suara termasuk nyanyian daripada lagu yang dicipta atau pengucapan kata-kata yang mempunyai makna dengan menggunakan bahasa berirama. Dengan irama dan melodi yang menarik, nyanyian disampaikan dengan bahasa yang indah. Nyanyian ini juga menyentuh dan mencetuskan suatu perasaan jika sesuai dengan

keadaan dan situasi orang yang mendengarnya. Lagu-lagu yang dinyanyikan bukan sahaja bersifat komersial dan bertujuan untuk mendapatkan bayaran malah ianya mempunyai makna yang lebih besar dan mendalam. Pelbagai jenis lagu dinyanyikan dalam masyarakat Melayu untuk memberikan nasihat, pengajaran dan pujian kepada tuhan pencipta alam. Dalam persembahan, elemen lagu juga harus diperhatikan. Berdasarkan hasil temubual bersama Mohd Nizam Attan (2023), beliau mengatakan bahawa lagu kumpulan gambus kebanyakannya daripada Arab.



Gambar 9 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 22 Disember 2023

Asal usul nasyid Malaysia dimulai dengan pengaruh Arab pada tahun 1900-an. Ini kerana, seni persembahan tradisional sebahagian besarnya berasal dari India dan negara-negara Timur Tengah yang telah menyebabkan Hindunisasi dan Islamisasi tersebar ke Alam Melayu. Selain itu, negara-negara di bahagian utara semenanjung Malaysia seperti Thailand, Indonesia, China, dan Filipina juga memberi pengaruh yang ketara. Dengan kemunculan peralatan dari Timur Tengah, muzik Arab menjadi popular dalam majlis-majlis sosial seperti perkahwinan dan berkhatan.

Lagu-lagu yang termasuk dalam repertoire ini ialah lagu-lagu yang berirama Zapin, Sarah, serta lagu-lagu popular dari Mesir. Tambahan pula, terdapat juga nasyid, yang merupakan lagu dakwah yang menggunakan irama dan melodi khas Timur Tengah. Persembahan ini akan dilakukan secara beramai-ramai dan bersahut-sahutan. Sebahagian besar lagu-lagu ini menggunakan 'maqamat' khusus. Masyarakat tempatan sering menggunakan jenis nada tinggi ini untuk lirik dalam bahasa Melayu kerana ia lebih sesuai dengan lirik bahasa Arab. Pengaruh dari lagu-lagu orkes gambus, dangdut, qasidah kontemporari, muzik hindustan, dan Pop 60-an semuanya turut mempengaruhi perkembangan seni ini.

4.3.4 Busana Persembahan

Kesenian gambus berperanan untuk memperkaya dan memeriahkan suasana sesuatu majlis. Identiti Melayu tergambar dalam tradisi persembahan muzik gambus terutamanya melalui pakaian yang dipakai oleh pemain gambus. Pada tahun 1960-an dan awal 1970-an, kebanyakan pemain gambus memakai pakaian Melayu lengkap dengan songkok. Dalam persembahan siang dan malam, pemain dalam kumpulan gambus biasanya memakai pakaian yang kemas. Pada awal penubuhannya, kumpulan gambus sering memakai baju cerah, dengan beberapa pemain memakai songkok hitam. Dalam persembahan formal, mereka akan memilih pakaian yang sesuai dengan majlis, dan secara umumnya memilih untuk memakai pakaian Melayu.

Dalam persembahan hamdolok, penari dan pemuzik memakai tarbus merah dan memegang watak lucu yang berpakaian seperti orang kaya. Ghazal Parti juga mempunyai pemuzik yang memakai tarbus berwarna merah, dan mereka berpakaian dengan kemas. Penarinya pula adalah lelaki yang berpakaian seperti wanita. Dalam persembahan ini, kumpulan Gambus Samrah memakai jubah yang dikenali sebagai

gamis. Pemuzik Ghazal Johor memakai baju kurung Johor, bersampin dan bersongkok. Namun, ensembel-ensembl gambus ini kadangkala tidak memakai pakaian semasa persembahan.

4.4 PUNCA KEMEROSOTAN DALAM SENI PERSEMBAHAN GAMBUS


Seni persembahan gambus adalah komponen warisan budaya Johor yang kaya dan unik. Seni ini memiliki nilai sejarah yang penting namun ketidakpedulian terhadap kelestariannya dapat menyebabkan hilangnya warisan budaya yang berharga bagi masyarakat Johor. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005), warisan merujuk kepada harta peninggalan atau benda-benda yang diwarisi, sementara budaya merujuk kepada tamadun atau peradaban. Warisan budaya bukan sahaja merangkumi warisan ketara tetapi juga warisan tidak ketara seperti seni persembahan yang memberikan identiti dan kebanggaan kepada masyarakat.

Penggiat seni dalam seni persembahan merujuk kepada individu atau kumpulan yang terlibat secara aktif dalam setiap tahap penyelenggaraan, penciptaan, dan pelaksanaan karya seni di atas pentas atau dalam konteks persembahan umum. Ini melibatkan pelbagai elemen termasuk pemuzik yang mencipta melodi yang menakjubkan, penari yang mengekspresikan cerita melalui pergerakan badan, pelakon yang menghidupkan watak di atas pentas, pengarah seni yang mengarah idea keseluruhan, penulis skrip yang membentuk naratif atau individu kreatif yang turut menyumbang dalam pembentukan dan penyampaian pengalaman seni kepada penonton. Dalam erti kata lain, mereka adalah tunggak utama dalam menghidupkan dan mengekalkan kekayaan seni dan budaya yang menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia.

Kemerosotan dalam seni persembahan secara ringkasnya merujuk kepada suatu perubahan di mana aktiviti atau pencapaian dalam bidang seni tersebut kehilangan populariti, penurunan kualiti ataupun impak suatu persembahan seni. Dalam kajian ini, kemerosotan seni persembahan gambus di Johor dapat dijelaskan melalui beberapa faktor yang mempengaruhi kelestarian dan populariti seni ini. Ini disebabkan kurangnya pemahaman masyarakat, tiada pengganti, perubahan gaya hidup, kurangnya sokongan dan kewangan serta kurangnya platform dan promosi. Secara keseluruhannya, kemerosotan seni persembahan adalah isu yang perlu diberi perhatian oleh para penggiat seni dalam memastikan kualiti dan persembahan tetap terjaga.

4.4.1 Kekurangan Pemahaman Masyarakat


Kekurangan pemahaman juga boleh menyebabkan kurangnya penghayatan terhadap konteks sejarah dan budaya di sebalik sebarang jenis warisan muzik. Kehilangan nilai budaya dan identiti boleh berlaku apabila masyarakat tidak menyedari peranan penting mereka dalam mengekalkan dan mewarisi tradisi muzik. Bukan itu saja, ia juga menghalang mereka daripada menghayati sepenuhnya kekayaan muzik tradisional jika mereka tidak memahami hubungan warisan muzik dengan isu sosial, ekonomi atau politik. Menurut Mohd Nizam Attan (2023), beliau menyatakan bahawa terdapat halangan utama yang menghambat perkembangan seni persembahan gambus di kalangan masyarakat Johor. Kekurangan ini boleh dikaitkan dengan jurang yang semakin meluas antara generasi muda dan akar budaya mereka.



Gambar 10 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 22 Disember 2023

Masyarakat masa kini umumnya tidak mahir dalam memainkan jenis muzik gambus kerana teknik bermainnya melibatkan skala dan melodi yang mungkin tidak sejajar dengan skala atau melodi biasa yang ditemui dalam muzik popular. Ini kerana, sesetengah penggiat seni mempunyai kemahiran memainkan gambus dengan cekap berbanding dengan masyarakat umum. Namun bagi masyarakat yang tidak biasa dengan konsep tersebut, struktur persembahan ini mungkin kelihatan agak sukar untuk diikuti. Hal ini kerana masyarakat hanya mengenal gambus sebagai alat muzik, tetapi mereka tidak memahami kepelbagaian bunyi dan variasi yang dapat dihasilkannya.



Gambar 11 : Tangkapan Layar


Sumber : Temubual bertarikh 15 Januari 2024

Seperti pernyataan Halidan Ithnin (2024), gambus juga menampilkan pelbagai gaya dan variasi bergantung pada wilayah atau budaya di mana ia dimainkan. Misalnya, gambus yang dimainkan dalam konteks Arab mempunyai ciri-ciri khas yang membezakannya daripada gambus Melayu atau Turki. Perbezaan ini termasuk elemen-elemen seperti teknik permainan, struktur melodi dan jenis irama yang memerlukan latihan yang mendalam. Kepelbagaian dan kerumitan ini mungkin sukar difahami bagi mereka yang belum terdedah kepada pelbagai gaya persembahan gambus. Akibatnya, terdapat risiko kehilangan nuansa dan nilai penting yang terkandung dalam seni gambus. Pemahaman tentang struktur persembahan gambus juga bergantung pada pengetahuan terhadap konteks budaya dan tradisi tempat muzik ini berkembang. Tanpa pemahaman ini, sebahagian daripada keunikan struktur persembahan gambus mungkin hilang atau kurang difahami.

4.4.2 Tiada Pengganti Gambus


Penggiat seni memegang peranan penting dalam pemeliharaan warisan budaya sebuah masyarakat dengan mengekalkan, menghidupkan semula tradisi serta membawa nilai seni yang mendalam kepada persembahan. Kesenian tradisional diwarisi dari satu generasi pengamal kepada generasi berikutnya. Kewujudan mereka dalam menghasilkan karya seni yang unik dan memberi sumbangan kepada negara sukar untuk ditandingi oleh individu lain. Walau bagaimanapun, kekurangan tenaga pengajar yang mahir dalam mengajar nyanyian dan kemahiran bermain gambus telah menyumbang kepada kemerosotan persembahan gambus di Johor. Secara tidak langsung, hal ini telah mengancam dan membawa seni tradisional tersebut terus ditelan zaman.

Penggiat seni kini kehilangan keupayaan untuk mengekalkan dan melindungi warisan ini kerana sebahagian daripadanya telah hilang bersama dengan pengamal yang telah meninggal dunia. Sebagai contoh, seni persembahan gambus mengalami kemerosotan kerana tiada pengganti selepas kematian tokoh seperti Allahyarham Haji Fadzil bin Ahmad. Sehingga kini, masih ada pengamal yang sedang berusaha untuk mendapatkan tempat dalam bidang tersebut. Oleh kerana faktor umur yang meningkat, beberapa penggiat seni sedang mempertimbangkan sama ada meninggalkan bidang yang diceburi atau melatih semula pengamal yang lebih muda. Namun begitu, tokoh kesenian yang memimpin dan memelihara tradisi masih sering diabaikan oleh masyarakat sendiri.



Gambar 12 : Tangkapan Layar


Sumber : Temubual bertarikh 09 Januari 2024



Gambar 13 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 15 Januari 2024

Selain itu, minat terhadap alat muzik ini bukan sahaja terletak pada bakat atau pemain tetapi juga pembuatnya yang semakin pupus. Walaupun seni gambus berkurangan terutamanya di kalangan golongan muda, namun apa yang dibimbangkannya adalah kehilangan pembuat alat muzik gambus sentuhan tempatan (Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof, 2024; Halidan Ithnin, 2024). Jumlah penggiat seni yang aktif juga semakin berkurangan kerana ramai di antara mereka meninggal dunia tanpa meninggalkan waris atau pengganti dalam bidang tertentu (Mohd Nizam Attan, 2023). Banyak kesenian tradisional telah diabaikan, tidak dipedulikan dan ditinggalkan oleh para penggiat kerana tiada pengganti warisan seni yang mampu menggantikan mereka.



Gambar 14 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 22 Disember 2023

Jika tiada pengganti, ia akan menambahkan lebih banyak masalah kepada persembahan tradisional kerana tiada badan sokongan atau penaja. Keadaan ini bertambah buruk apabila ketiadaan generasi penerus yang mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti gambus. Secara tidak langsung, kesinambungan ilmu pengetahuan dan kemahiran menjadi terancam. Jika bukan generasi muda yang menggantikan kedudukan penggiat seni gambus, seni ini tidak mempunyai masa hadapan. Warisan berharga dari segi budaya dan falsafahnya jika tidak diwariskan akan mengalami kehilangan dan memberi impak negatif kepada identiti dan jati diri. Ini akan

merugikan masyarakat dan negara kerana warisan itu dapat menjana sumber ekonomi di dalamnya.


4.4.3 Perubahan Gaya Hidup dan Globalisasi

Perubahan budaya dan ancaman globalisasi telah memberi kesan terhadap kelestarian tradisi-tradisi persembahan tradisional. Pada masa lalu, muzik gambus menjadi penyeri dalam sesebuah majlis perasmian dan upacara perkahwinan. Penggiat seni gambus berusaha keras untuk mengekalkan persembahan tradisi ini namun mereka tidak dapat mengekalkan kedudukannya lagi berikutan pengaruh luar yang mengancam keunikan alat ini. Fenomena "globalisasi budaya" sering dikaitkan dengan pengaruh kebudayaan Malaysia terhadap warisan kesenian (Mohd Fadzil Razali; Badrul Redzuan Abu Hassan; Roslina Abdul Latif, 2016). Penghomogenan budaya telah menyebabkan sesebuah warisan budaya semakin terpinggir sekaligus menurunkan minat dalam memelihara muzik tradisional. Secara umumnya, seni gambus tidak lagi dianggap sebagai satu kepentingan kerana ia tidak selari dengan kehidupan moden yang terus bergerak aktif dalam dunia teknologi baharu dan bentuk hiburan moden yang lebih kreatif.

Gidden (1990) menyatakan bahawa konflik antara budaya baru dan budaya asal adalah refleksiviti dimana sikap individu membandingkan nilai asal yang dipegang oleh diri mereka dengan nilai masyarakat luar sebelum membuat keputusan untuk menerima atau menolak nilai tersebut. Hal ini demikian, budaya luar perlu melalui proses pertimbangan sebelum diterima oleh sesebuah masyarakat asal. Wan Abdul Kadir (1990) turut mengkaji bagaimana pertembungan budaya luar memberi kesan kepada budaya asal. Beliau menyatakan bahawa konflik ini cenderung memberi keutamaan kepada unsur yang tidak berkaitan dengan tradisi tempatan. Usaha untuk

menyelaraskan unsur-unsur budaya tradisional seiring dengan perkembangan semasa gagal menarik minat masyarakat secara meluas, menyebabkan kurangnya populariti dalam pembaharuan unsur-unsur budaya tersebut. Sebaliknya, usaha ini dapat merosakkan keaslian budaya Melayu sehingga memusnahkannya (Wan Abdul Kadir, 1990:63).

Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof (2024) menyatakan bahawa penurunan minat ini sejajar dengan perubahan dalam gaya hidup dan budaya yang dibawa oleh globalisasi. Perubahan gaya hidup masyarakat berubah dengan lebih cepat dan sibuk menyebabkan minat masyarakat untuk memahami dan mempelajari bentuk seni tradisional seperti gambus semakin berkurangan. Kekurangan masa lapang dan perhatian membuatkan mereka tidak begitu mementingkan kesenian tradisional. Hiburan yang menguasai budaya dunia menjadikan masyarakat semakin tertarik kepada perkara yang lebih moden. Hal ini boleh menghalang seni gambus daripada bersaing atau menarik perhatian masyarakat umum.




Gambar 15 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 09 Januari 2024

Selain itu, perkembangan media dalam kehidupan moden juga melibatkan kemajuan sains dan teknologi yang pesat. Media massa merupakan alat terpenting dalam menyampaikan maklumat, membentuk persepsi dan mengubah sikap masyarakat terhadap maklumat yang diterima. Media massa juga boleh menjadi lebih kompleks dan menimbulkan pelbagai masalah sosial, moral, politik dan ekonomi.

Media secara beransur-ansur memperkenalkan suatu pola budaya baharu kepada masyarakat dan mula mempengaruhi pemikiran serta tingkah laku mereka. Lerner (1966) menyoroti bahawa media massa telah mengubah masyarakat tradisional kepada masyarakat moden. Paul James (2006) pula menyatakan bahawa struktur ini membentuk pelbagai idea, makna dan nilai tempatan sebagai pengetahuan sejagat yang digunakan dan disebar ke merata tempat di seluruh dunia melalui internet, media sosial, budaya popular. Walaupun terdapat kemajuan teknologi maklumat dan digital, penggiat seni budaya tempatan masih belum dapat memasuki pasaran global yang begitu luas tanpa batasan, sejajar dengan pandangan Zaharul Lailiddin Saidon (2013).

Komunikasi melalui media membolehkan penyebaran maklumat disampaikan secara meluas kepada pelbagai penerima di pelbagai tempat (Mansor 1983: 51). Mohd Nizam Attan (2023) juga berpendapat bahawa tumpuan masyarakat pada masa kini lebih cenderung untuk mencari sumber atau bahan melalui internet dengan mudah. Pengaruh media sosial telah digunakan secara meluas untuk menyebarkan kandungan hiburan yang menggambarkan budaya luar seperti seni Barat, K-Pop, dan sebagainya. Jika media massa lebih menumpukan kepada hiburan popular dan kurang memberi perhatian kepada seni gambus, masyarakat mungkin tidak mempunyai maklumat atau pendedahan yang mencukupi terhadap bentuk seni ini. Fenomena ini memberi impak besar kepada kelestarian seni persembahan gambus, yang secara beransur-ansur dipinggirkan dalam konteks budaya yang sentiasa berubah. Sebagai warisan yang dianggap ketinggalan zaman, ia memerlukan tenaga penggerak dan semangat untuk menghidupkan semula kewujudannya dalam perbincangan budaya dan intelektual.




Gambar 16 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 22 Disember 2023

4.4.4 Kekurangan Sokongan dan Sumber Kewangan

Sokongan dan kewangan memainkan peranan penting kepada industri seni persembahan. Sokongan daripada pihak kerajaan dan komuniti boleh membantu mempromosikan seni dan menarik lebih ramai orang untuk menyertainya, manakala sokongan kewangan boleh membantu penggiat seni mencipta dan memaparkan karya mereka. Sumber kewangan yang terhad merupakan salah satu faktor yang menjejaskan kelestarian seni gambus. Menurut laporan The Guardian (2015), sumber kewangan untuk seni persembahan semakin sukar untuk diperolehi, dan masa depan industri seni dan budaya bergantung pada mencari cara baharu untuk mendapatkan dana persendirian dengan menggunakan pelbagai instrumen. Ini kerana, sumber kewangan membolehkan mereka mendapatkan peralatan, bahan, dan ruang untuk mengembangkan idea mereka. Namun, pemeliharaan dan kemajuan seni tradisional ini telah dihalang disebabkan oleh kekurangan sokongan, pembiayaan, penajaan dan pengiktirafan daripada pihak kerajaan dan orang ramai.

Masa kini, sumber kewangan telah beralih kepada ekspresi kreatif yang lebih komersial dan moden. Industri seni persembahan tradisional menilai bahawa cara kerajaan memberikan bantuan kewangan seolah-olah "satu saiz untuk semua" tidak selaras dengan seni mereka. Seperti contoh, persembahan gambus seringkali memerlukan ruang khusus, pakaian dan penghibur berkemahiran tinggi yang menyebabkan kepada kos pengeluaran yang lebih tinggi berbanding alternatif digital yang boleh menjangkau khalayak global dengan kos yang lebih rendah. Keadaan ini menimbulkan rasa ketidakadilan dan kurangnya penghargaan terhadap penggiat seni, kerana usaha mereka untuk mengekalkan warisan budaya dibiarkan begitu sahaja. Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof (2024) menyuarakan kebimbangan ini dengan mengatakan,




Gambar 17 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 09 Januari 2024

Kesan secara tidak langsung dari kekurangan sokongan ini telah menyebabkan penggiat seni gambus kehilangan sumber pendapatan. Ini berikutan, kebanyakan penggiat seni termasuk seniman, penghibur, dan profesional kreatif bergantung sepenuhnya pada persembahan mereka untuk menjana pendapatan. Dengan kekurangan sokongan dan kewangan yang mencukupi, aktiviti ini menjadi semakin sukar untuk dijalankan. Hal ini kerana, aktiviti persembahan tradisional merupakan salah satu sumber utama pendapatan mereka yang memberikan kestabilan kewangan. Menerusi persembahan, penggiat seni bukan sahaja mempunyai peluang untuk tampil

di depan khalayak dengan mempersembahkan karya mereka, tetapi juga dapat mencipta peluang pendapatan yang sangat diperlukan untuk kelangsungan kerjaya seni mereka. Halidan Ithnin (2024) turut menyatakan bahawa kekurangan ini memberi kesan yang mendalam kepada penggiat seni gambus.



Gambar 18 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 15 Januari 2024


Malangnya, penggiat seni gambus terpaksa menghadapi kesukaran dalam mencari peluang pekerjaan dan terpaksa mencari inisiatif lain untuk mendapatkan sumber pendapatan tambahan demi memenuhi keperluan harian mereka. Kebimbangan mereka tentang peluang projek masa depan dan pembangunan kerjaya juga semakin meningkat. Ketidaktentuan kewangan ini bukan sahaja memberi tekanan kepada penggiat seni, malah turut mengurangkan sumbangan mereka dalam membangunkan seni dan budaya. Dengan sumber yang terhad, penggiat seni gambus mungkin sukar untuk memperuntukkan masa dan tenaga untuk projek kreatif yang boleh memberi impak positif yang lebih luas. Ini boleh menghalang pertumbuhan dan pekekalan warisan seni tradisional, dan memudaratkan perkembangan seni dan budaya secara keseluruhan.

4.4.5 Kekurangan Platform dan Promosi

Platform merujuk kepada tempat atau medium di mana persembahan seni berlaku. Dalam konteks seni persembahan gambus, platform boleh merujuk kepada

pentas iaitu tempat di mana kumpulan gambus tampil untuk mempersembahkan muzik mereka kepada penonton. Pentas ini boleh berbeza-beza mengikut tempat dan acara. Selain pentas, ruang di sekeliling pentas juga merupakan platform dimana kumpulan gambus berinteraksi dengan penonton. Platform bukan hanya tempat untuk penggiat seni mempersembahkan karya dan bakat mereka, tetapi juga berpeluang untuk berinteraksi dengan khalayak yang lebih luas.

Selain itu, promosi juga membantu mereka membina pangkalan peminat, mendapatkan pembiayaan dan sokongan untuk projek masa depan. Penggalakan dan penyebaran karya seni melalui platform dan promosi adalah penting bagi memelihara dan menyokong warisan budaya seperti gambus. Seiring dengan perkembangan industri muzik, kemajuan dalam teknologi dan perubahan dalam pilihan pengguna telah mengecilkan ruang promosi untuk muzik gambus. Sebagai instrumen tradisional, gambus sering menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pendedahan di platform digital seperti perkhidmatan penstriman muzik dan media sosial yang cenderung menyokong seni yang lebih mainstream. Dr. Mohd Nizam Attan (2023) menyatakan berkaitan promosi ketika di temubual :



Gambar 19 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 22 Disember 2023

Masa kini, seni gambus tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dan sukar untuk bersaing dengan hiburan moden yang lebih popular. Ini memberi kesan kepada perkembangan bakat dalam kumpulan gambus, kerana ia menghalang mereka dari mempunyai peluang untuk mempamerkan bakat mereka. Sebagai contoh, pemuzik gambus yang berbakat dengan kemahiran bermain alat ini tidak mempunyai akses kepada pentas atau media yang mencukupi untuk mempersembahkan bakatnya kepada khalayak yang lebih luas. Persembahan mereka mungkin terhad kepada persekitaran tempatan atau komuniti kecil yang menghalang pertumbuhan dan perkembangan bakat mereka. Akibatnya, penggiat seni gambus kurang mendapat pengiktirafan dan sokongan oleh masyarakat.

Dalam konteks ini, kekurangan platform dan promosi boleh memberi impak yang mendalam terhadap pengekalan dan pertumbuhan seni gambus. Kekurangan platform dan promosi boleh mengakibatkan kurangnya penghargaan terhadap seni, dan warisan budaya yang berharga mungkin tidak dapat dipelihara dan diteruskan dengan berkesan. Ini menyerlahkan betapa pentingnya platform dan promosi untuk menyokong pembangunan dan pengiktirafan seni gambus, supaya warisan budaya yang berharga ini dapat dikekalkan dan diteruskan dengan berkesan kepada generasi akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.5 PERSEPSI PENGGIAT SENI DALAM MENGEKALKAN SENI PERSEMBAHAN GAMBUS


Persepsi merujuk kepada cara individu melihat, menafsirkan, dan memahami persekitaran mereka. Ini berkaitan proses penerimaan, pengorganisasian, dan interpretasi data yang diperoleh melalui pengalaman atau pancaindera. Faktor seperti persekitaran budaya, pendidikan, pengalaman hidup, dan prinsip peribadi boleh mempengaruhi persepsi seseorang. Dengan kata lain, persepsi menunjukkan cara seseorang memahami dan menginterpretasikan situasi atau realiti tertentu. Persepsi penggiat seni berkaitan dengan cara mereka melihat dan memahami masalah dan nilai seni yang mereka cipta atau pelihara.

Persepsi merujuk kepada pengalaman yang dialami oleh seseorang melalui pancaindera seperti pergerakan, bunyi, rasa, selera atau bau (Morgan, 1987). Ia adalah proses memilih, menyusun dan mentafsir maklumat dan pengalaman yang diperoleh untuk membentuk gambaran. Dalam buku *Organizational Behavior* oleh McShane (2003), persepsi digambarkan sebagai proses menerima maklumat tentang dunia di sekeliling kita dan mewujudkan pemahaman tentangnya.

Faktor dalaman dan luaran mempengaruhi persepsi seseorang. Ukuran dan penempatan sesuatu benda boleh menjadi contoh faktor luaran yang boleh digunakan oleh pengkaji. Ini bermakna lebih mudah untuk difahami apabila perkara atau objek mempunyai lebih banyak hubungan. Secara ringkasnya, apabila seseorang melihat sesuatu, proses memahami dan membentuk persepsi akan berlaku dengan mudah. Faktor dalaman yang mempengaruhi persepsi adalah pengalaman individu. Persepsi seseorang bergantung kepada pengalaman yang dilalui, yang dipengaruhi oleh pengetahuan, pendidikan, pembacaan dan penyelidikan yang telah dijalankan (Krech, 1962).


4.5.1 Penggunaan Sebagai Alat Pendidikan

Sebagai warisan budaya yang kaya di Malaysia, seni persembahan gambus memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan masyarakat dan identiti negara. Mohd Nizam Attan (2023) mencadangkan bahawa seni gambus harus menjadi sebahagian daripada pendidikan dari sekolah rendah hingga sekolah tinggi. Ia juga berfungsi sebagai alat penting untuk melestarikan warisan budaya dan meningkatkan pemahaman terhadap identiti budaya tempatan. Kesedaran tentang keunikan dan keindahan warisan budaya adalah permulaan untuk memahami kepentingan penyelitan seni gambus dalam kurikulum pendidikan. Pelajar boleh membina hubungan yang kuat dengan akar budaya mereka dengan mempelajari seni gambus dari sekolah rendah. Hal ini akan membantu membina identiti negara yang kukuh dan memastikan generasi muda memahami kekayaan budaya Malaysia.



Gambar 20 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 22 Disember 2023



Gambar 21 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 15 Januari 2024

Seperti pernyataan Halidan Ithnin (2024), penggunaan seni gambus sebagai alat pendidikan juga memainkan peranan penting dalam pemeliharaan warisan budaya. Seni gambus mampu menjadi sebahagian daripada pembelajaran yang menyeluruh jika ia dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah. Pelajar tidak hanya akan mempelajari teknik dan melodi gambus, tetapi mereka juga akan memahami nilai dan tradisi yang terkandung dalam muzik tersebut. Dengan langkah ini, ia akan membantu dalam pembentukan generasi baharu yang berpegang teguh pada asas budayanya. Selain itu, kurikulum seni gambus menawarkan peluang untuk meningkatkan kreativiti dan kemahiran pelajar selain melindungi warisan. Seni gambus melibatkan kemahiran kreatif dan penguasaan alat muzik. Pelajar boleh meningkatkan kreativiti mereka dan memperoleh kemahiran muzikal yang berguna dalam pelbagai bidang kehidupan dengan adanya seni ini dalam kurikulum.

Peningkatan pencapaian akademik juga dikaitkan dengan penggunaan seni gambus dalam pendidikan. Terdapat bukti bahawa pembelajaran seni telah dikaitkan dengan prestasi akademik yang lebih baik. Oleh itu, integrasi seni gambus akan memberi manfaat kepada pencapaian akademik pelajar selain daripada membawa nilai


seni yang tinggi. Selain itu, penggunaan seni gambus sebagai alat pendidikan membina jati diri negara. Melalui penglibatan ini, pelajar akan memperoleh pemahaman yang tidak langsung tentang betapa pentingnya warisan budaya untuk menyatukan masyarakat. Mereka bukan sahaja menjadi penonton, tetapi mereka juga boleh mengambil bahagian secara aktif dalam pemeliharaan dan penghayatan warisan budaya, yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat.

Pelajar juga mempunyai peluang untuk meneroka kerjaya dalam bidang seni dan budaya melalui kurikulum seni gambus. Pelajar boleh melihat seni gambus sebagai kerjaya yang mempunyai banyak peluang di dalam dan luar negara jika mereka memahaminya dengan teliti. Ini memberikan mereka pilihan yang berguna untuk kerjaya mereka. Secara amnya, kurikulum yang disyorkan oleh Mohd Nizam Attan akan menjadi usaha yang berguna untuk mengekalkan dan memajukan warisan budaya. Generasi muda bukan sahaja mempunyai peluang untuk mempelajari dan menghayati seni tradisional, tetapi ia juga membolehkan pembelajaran yang berfaedah dan peningkatan kesedaran kebangsaan. Malaysia boleh memastikan warisan budayanya terus hidup dan diteruskan untuk menjadi sumber inspirasi dan kekayaan untuk generasi akan datang dengan memasukkan seni gambus ke dalam program pendidikan.

4.5.2 Penyesuaian dan Inovasi

Muzik gambus berakar umbi dalam tradisi, tetapi ada penggiat seni yang boleh menerima perubahan dan mencari cara untuk memastikan muzik gambus terus relevan dengan khalayak masa kini tanpa menjejaskan identiti budayanya yang semula jadi. Penggiat seni mesti sedar bahawa jika mereka mahu seni gambus terus hidup dan bermakna, mereka mesti bergerak seiring dengan zaman. Hal ini kerana, penonton

masa kini mempunyai persepsi dan citarasa yang berbeza daripada generasi sebelumnya. Dengan menarik perhatian individu yang dipenuhi oleh media moden dan budaya pop, penggiat seni mempunyai keupayaan untuk memperluaskan jangkauan penonton mereka. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna mereka menggantikan tradisi sebaliknya memberikan ruang kepada pengalaman yang lebih inklusif. Menurut Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof (2024), penggiat seni perlulah lebih kreatif dalam mencipta seni persembahan baru yang segar hasil daripada menggabungkan elemen seni Melayu tradisional dengan elemen kontemporari. Hal ini kerana, seni yang dihasilkan akan dapat memenuhi citarasa semasa terutamanya golongan muda yang akan melihat seni persembahan gambus sebagai sesuatu yang unik, segar dan menepati ciri budaya popular.



Gambar 22 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 09 Januari 2024

Selain itu, penggiat seni haruslah menyedari kepentingan kemampuan dalam menyampaikan makna dan perasaan yang relevan dalam era moden bagi kelangsungan

seni gambus. Dengan adanya kesedaran ini, mereka mampu mencari penyampaian yang berbeza untuk menyampaikan pesan tradisional dengan menggunakan bahasa dan bentuk yang boleh difahami oleh masyarakat kini. Penggiat seni yang berinovasi cuba mencari keseimbangan antara memperbaharui seni mereka dan memelihara nilai dan identiti budaya yang mendasarinya, kerana mereka masih menganggap pentingnya mengekalkan integriti budaya. Inovasi dan kreatif adalah dua elemen penting untuk penggiat seni. Ini kerana melalui pembaharuan, mereka boleh menunjukkan bahawa mereka boleh menyesuaikan diri dengan perubahan dalam kehidupan, yang menjadikan seni gambus sentiasa relevan dan berkembang. Dengan sikap terbuka terhadap perubahan, mereka bukan hanya menjaga warisan budaya tetapi juga memastikan bahawa seni tradisional mereka tetap hidup kepada berbagai lapisan masyarakat.

4.5.3 Kerjasama dan Rangkaian

Penggiat seni haruslah bekerjasama dengan pemuzik, organisasi kebudayaan, dan institusi untuk meningkatkan sokongan dan pengaruh seni gambus. Ini kerana, kerjasama dan rangkaian memegang peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan seni gambus dalam panorama seni dan budaya yang luas. Mereka mestilah sedar bahawa dengan kerjasama ini, mereka akan dapat menjangkau lebih banyak penonton, mendapatkan peluang yang lebih besar dan sokongan yang diperlukan untuk pertumbuhan seni tersebut. Mereka juga mempunyai peluang untuk mengalami pengalaman bermain dengan rakan pemuzik, terutamanya dari genre muzik yang berbeza di mana gabungan pelbagai elemen muzik dapat dihasilkan secara kreatif dan menarik. Kerjasama ini juga boleh membawa muzik gambus kepada penonton yang

mungkin belum pernah melihat seni tradisional sebelum ini. Mohd Nizam Attan (2023) berpendapat :

“Bagi kumpulan Gambus, boleh banyakkkan berkerjasama rapat dengan badan-badan kesenian tempatan dan Antarabangsa.” (Temubual bertarikh 22 Disember 2023)

Selain itu, penggiat seni boleh menyertai acara, festival dan pertunjukan yang lebih besar dan mengambil bahagian dalam aktiviti budaya dan institusi seni. Ini membolehkan artis mendapat perhatian yang lebih besar dan membina jaringan di dalam dan di luar komuniti mereka. Kepentingan rangkaian dan sokongan membolehkan penggiat seni mendapatkan lebih banyak peluang yang lebih kerap jika mereka berhubung dengan penganjur acara dan pihak berkepentingan lain untuk mendapatkan lebih banyak peluang persembahan tetap. Hal ini bukan sahaja membantu mereka mengembangkan reputasi, tetapi ia juga memberi mereka peluang untuk memperkenalkan seni gambus kepada khalayak yang lebih luas.


Penggiat seni boleh memberi kesan yang lebih besar kepada muzik gambus secara keseluruhan dan untuk diri mereka sendiri dengan menyatukan tenaga melalui kerjasama dan rangkaian. Ini menunjukkan betapa pentingnya semangat kerjasama yang diperlukan untuk melestarikan dan memajukan seni tradisional dalam konteks perubahan budaya dan muzik.

4.5.4 Kepentingan Rohani

Sesetengah penggiat seni menganggap muzik gambus sebagai pengalaman keagamaan yang mendalam dalam menghubungkan mereka akar budaya dan nilai-nilai kerohanian. Bagi mereka, muzik adalah ekspresi rohani yang

menggabungkan elemen agama dan budaya dalam alunan melodi dan liriknya. Muzik gambus sering dikaitkan dengan tradisi keagamaan terutamanya dalam komuniti Melayu-Islam Malaysia. Pengalaman mendengar atau memainkan muzik ini mengandungi dimensi kerohanian yang kaya kerana liriknya sering mencerminkan prinsip-prinsip dan kisah agama. Beberapa penggiat seni tradisional turut melihat seni gambus sebagai medium penyampaian mesej agama dan sebahagian bentuk doa atau meditasi yang membawa mereka lebih dekat kepada aspek kerohanian. Mereka juga percaya bahawa melibatkan diri dalam muzik ini boleh memberikan ketenangan fikiran dan mendorong pemikiran yang mendalam.

Simbolisme dalam alat muzik gambus telah memainkan peranan dalam terapi sehingga abad ke-19, dengan keupayaannya untuk mengimbangi emosi dan memberikan kesegaran kepada badan. Muhammad Shihab al-Din, seorang penulis abad ke-19, berpendapat bahawa oud mampu menenangkan dan menyembuhkan jantung. Pada abad ke-9, Abu Al-Hassan Al-Mawardi, seorang kadi terkemuka dari Basrah, Iraq, memuji penggunaan ubat oud untuk merawat pelbagai penyakit. Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof (2024) turut menyatakan :



Gambar 23 : Tangkapan Layar

Sumber : Temubual bertarikh 09 Januari 2024

Alat muzik gambus mempunyai makna yang mendalam dalam budaya Melayu-Islam. Melalui dimensi simbolik alat ini, pengalaman rohani boleh dipertingkatkan dan dikaitkan dengan nilai keagamaan. Seni persembahan gambus

juga sering dimainkan dalam perayaan keagamaan tradisional. Kehadirannya menanamkan perasaan keagamaan yang mendalam dan menggalakkan masyarakat bersatu. Kepentingan muzik gambus dalam konteks kerohanian juga boleh dilihat dalam hubungannya dengan tradisi kepercayaan lain. Beberapa penggiat seni mungkin melihatnya sebagai cara untuk berinteraksi dengan aspek kerohanian yang menghubungkan akidah Islam yang membolehkan persefahaman dan toleransi antara kepercayaan. Dengan menganggap muzik gambus sebagai alat ekspresi rohani, mereka tidak hanya menyediakan persembahan seni, tetapi juga mengekalkan warisan budaya yang mengekalkan nilai-nilai tradisional dan makna rohani untuk generasi akan datang.


4.6 KESIMPULAN

Penyelidikan ini berjaya mencapai matlamatnya dengan menyelidiki struktur persembahan gambus serta menganalisis punca kemerosotan dan persepsi penggiat seni. Kesimpulan utama adalah pemahaman menyeluruh tentang aspek-aspek penting yang mempengaruhi kelestarian seni ini. Dengan menyelidiki dan memahami faktor-faktor ini, langkah-langkah strategik boleh diambil untuk memastikan kesinambungan seni persembahan gambus, termasuk usaha meningkatkan kesedaran masyarakat dan mencipta persembahan yang inovatif. Melalui pendekatan menyeluruh ini, seni persembahan gambus dapat menjadi warisan yang berharga dalam konteks seni dan budaya. Ini kerana, nilai-nilai yang ada dalam seni persembahan gambus akan menjadi satu kerugian jika kesenian tradisional yang sudah bertahan lama diganti dengan nilai-nilai yang tidak sesuai dengan keperibadian dan maruah bangsa masyarakat. Dengan demikian, hasil kajian ini memberikan garis panduan yang


berharga untuk memastikan pegekalan dan perkembangan seni gambus dalam konteks seni dan budaya masyarakat.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 5

CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1 PENGENALAN

Pengenalan dalam bab ini merupakan bahagian yang penting dalam sesuatu penyelidikan. Ia bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai kajian yang akan dijalankan. Pada bahagian ini, pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan bagi kajian yang telah dijalankan berdasarkan beberapa objektif kajian yang telah ditetapkan pada awal kajian ini. Bahagian ini mempunyai dua rangkuman yang dapat membantu dalam mengukuhkan lagi perbincangan bagi tajuk yang telah dipilih. Bahagian pertama bagi bab ini, pengkaji akan membincangkan berkaitan dengan cadangan yang boleh dilaksanakan kepada penyelidik berkaitan dengan kajian yang dipilih dalam penambahbaikan kajian yang dilakukan. Pada bahagian yang terakhir pula, pengkaji akan menghuraikan berkaitan dengan rumusan kajian. Kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada penyelidik-penyelidik pada masa akan datang.

5.2 CADANGAN

Dalam bab ini, setiap kajian yang dilakukan harus mampu menghasilkan peningkatan atau perubahan untuk memperkaya maklumat yang diperoleh, menjadikannya lebih menarik, teratur, dan memperoleh lebih banyak maklumat baru yang dapat dikongsi. Setiap kajian juga perlu menyediakan kaedah yang efektif untuk mengatasi masalah yang dihadapi bagi memastikan penyelesaian yang memuaskan. Segala cabaran yang timbul harus dihadapi dan diselesaikan untuk mencapai objektif

kajian dengan berjaya. Dengan itu, penyediaan cadangan menjadi penting bagi memastikan kajian masa depan dapat dilaksanakan dengan kesan yang maksimum.

5.2.1 Modul Pengajaran dalam Sekolah dan IPTA

Sebagai komponen warisan seni tradisional, seni persembahan gambus mempunyai keistimewaan dan keindahan yang patut dikekalkan dan disampaikan kepada generasi muda. Oleh itu, cadangan untuk mencipta modul pengajaran gambus di peringkat sekolah bertujuan untuk memberikan murid-murid peluang untuk menyelami keunikan dan keindahan seni tradisional ini. Sekolah ialah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada institusi pendidikan yang menawarkan pendidikan dan pembelajaran pada peringkat dasar, menengah, atau rendah. Sementara itu, IPTA termasuk universiti awam, politeknik, dan kolej universiti yang menawarkan pelbagai program akademik seperti ijazah, diploma, dan program pasca-siswazah. Sekolah dan IPTA adalah tempat terbaik untuk menyebarkan dan mengembangkan seni persembahan gambus.

Dengan adanya penghasilan modul pengajaran bagi peringkat sekolah dan IPTA, ia dapat membantu membina kesedaran dan pemahaman pelajar tentang kepelbagaian seni yang ada. Secara tidak langsung, pelajar dapat memahami sejarah perkembangan dan peranan ini dalam kehidupan masyarakat. Selain itu, modul ini dapat membuka peluang kepada pelajar untuk mengembangkan bakat dan minat mereka dalam seni persembahan gambus. Modul ini akan menjadi tonggak awal dalam membina bakat seni di kalangan pelajar dengan mengajar pelajar asas bermain gambus dan teknik asas.

Tidak hanya itu, modul ini dapat dirangka dengan menghubungkan seni gambus dengan mata pelajaran lain seperti sejarah, bahasa Melayu, atau muzik. Ini

membantu menyatukan pembelajaran dan memberikan pandangan yang luas tentang seni tradisional di kalangan pelajar. Secara keseluruhannya, ia akan menjadi forum yang komprehensif yang bertujuan untuk memupuk minat dan pemahaman tentang warisan seni tradisional. Melalui usaha seperti ini, kita dapat memastikan seni gambus dan warisan budaya kita terus hidup dan dihormati dalam kalangan masyarakat.

5.2.2 Mengembangkan Platform dan Pendedahan

Dalam usaha untuk memajukan dan meningkatkan pendedahan kepada seni persembahan gambus, usaha holistik dan menyeluruh amatlah diperlukan. Usaha ini bukan sahaja melibatkan promosi melalui platform digital, malah turut melibatkan penglibatan aktif masyarakat seni dan pihak lain yang berminat. Platform digital boleh digunakan sebagai cara untuk memperkenalkan seni gambus kepada khalayak yang lebih luas. Mereka yang mencari pemahaman yang lebih mendalam tentang seni gambus boleh menggunakan halaman web bermaklumat yang mengandungi galeri audio dan video pemain gambus yang terkenal. Selain itu, ia dapat meningkatkan penggunaan media sosial untuk berkongsi klip persembahan, wawancara dengan penggiat dan artikel tentang sejarah gambus. Pendedahan seni gambus juga melibatkan pameran, pertunjukan, atau aktiviti lain yang memperkenalkan dan mempromosikan seni gambus kepada orang ramai. Lokasi yang dipilih dengan strategik dan menarik boleh menarik lebih ramai orang dan mewujudkan persekitaran yang menyokong penghayatan seni gambus.

Kerjasama dengan pemuzik gambus terkemuka dan pihak berkepentingan juga amat penting untuk mengembangkan seni ini. Dengan mengadakan program seperti forum, bengkel dan sesi pendedahan oleh pemain gambus yang berpengalaman, ia bukan sahaja meningkatkan pemahaman masyarakat tentang seni ini tetapi juga

membuka peluang untuk berkerjasama dan berkembang dalam di dunia seni. Forum dan bengkel seni gambus membolehkan pencinta seni, pelajar dan individu profesional bertukar pandangan tentang ilmu gambus. Selain itu, pihak berkepentingan boleh memberi peluang kepada masyarakat untuk berinteraksi secara langsung dengan seni gambus dengan mengadakan bengkel dan persembahan secara langsung di festival. Festival ini bukan sahaja menjadi tempat persembahan, malah menjadi tempat pertemuan masyarakat seni gambus, pengkaji seni dan pencinta seni.

Dengan adanya usaha ini, kita boleh mencipta ekosistem yang dinamik dalam pertukaran idea, pengetahuan yang luas dan kemahiran dalam seni gambus. Hal ini dapat merangsang perkembangan seni gambus yang membentuk komuniti yang kuat dan merapatkan jurang antara generasi dan mengembangkan tradisi seni ini. Dengan cara ini, kesedaran dan penghayatan masyarakat terhadap seni gambus dapat terus berkembang, memelihara warisan budaya yang berharga untuk generasi akan datang.

5.2.3 Dokumentasi dan Pengarkiban

Dalam bidang pemeliharaan budaya, pendokumentasian dan pengarkiban seni persembahan gambus merupakan usaha yang penting. Inisiatif ini bertujuan untuk melindungi dan memastikan ia berterusan dari satu generasi ke generasi. Satu kepentingan yang paling penting terletak pada pemeliharaan warisan. Melalui dokumentasi yang teliti, teknik bermain, lagu tradisional, dan gaya persembahan akan disimpan. Ini bukan sahaja menghalang hakisan ilmu dengan perubahan zaman tetapi juga memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang asal usul dan evolusi seni persembahan gambus. Generasi akan datang boleh menyelidiki rekod ini, menjalin kesinambungan penghargaan dan penguasaan. Dokumentasi mempunyai peranan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Ia memudahkan generasi muda mencari

maklumat berguna dalam persembahan yang dirakam, yang membolehkan mereka belajar dengan bimbingan pihak yang mahir. Sama ada melalui rakaman video atau audio, arkib ini memudahkan penerokaan yang lebih mendalam tentang teknik bermain, tafsiran lagu dan penghayatan bernuansa persembahan gambus.

Selain itu, persembahan gambus yang didokumentasikan akan menjadi sumber inspirasi kreatif bagi generasi muda. Mereka boleh menghasilkan karya yang unik dan inovatif dengan menggunakan elemen tradisional yang terdapat dalam arkib ini dan menyelitkannya dengan ekspresi kontemporari. Pertemuan tradisi dan kemodenan membolehkan evolusi artistik yang memastikan seni persembahan gambus kekal hidup. Di samping itu, pengarkiban seni gambus juga memainkan peranan penting dalam penyelidikan. Penyelidik akan datang dan ahli akademik mendapat manfaat daripada khazanah data sejarah, teknik, dan kepentingan budaya gambus. Hasil pengetahuan ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan seni dalam membentuk naratif budaya, menyumbang kepada wacana akademik, dan memupuk penghayatan yang diperkaya dari akarnya yang mendalam.

Tambahan pula, rekod yang didokumenkan juga membantu dalam promosi dan penerbitan. Pameran, dokumentari dan platform dalam talian membantu orang ramai memahami seni gambus. Khalayak dari seluruh dunia boleh merasai dan menghargai gambus tanpa menghadiri persembahan secara langsung berkat penerbitan bahan ini yang melangkaui batasan geografi. Jangkauan ini bukan sahaja menggalakkan seni tetapi juga memastikan ia boleh diakses dan difahami oleh orang ramai. Pada dasarnya, seni persembahan gambus melangkaui batas yang tidak kekal dalam peringkat langsung melalui dokumentasi dan pengarkiban yang teliti. Keupayaannya untuk memberi inspirasi, mendidik dan mengekalkan nilai budayanya menjadikannya warisan yang bertahan. Oleh itu, dokumentasi dan pengarkiban

berterusan persembahan gambus adalah penting untuk memperkukuh dan mewariskan seni ini kepada generasi akan datang, mengukuhkan kehadirannya yang kekal dalam permaidani budaya kita.

5.3 RUMUSAN

Tidak dinafikan bahawa Malaysia mempunyai kebudayaan dan kesenian yang tersendiri. Hal ini dapat dibuktikan terdapat pelbagai jenis seni persembahan yang melambangkan identiti setiap negeri. Seni persembahan tradisional biasanya mengandungi pelbagai elemen yang berbeza dan berasal daripada kreativiti masyarakat zaman dahulu. Salah satu contoh yang menonjol ialah seni persembahan gambus yang mencerminkan kekayaan adat dan budaya di negeri Johor. Ini boleh dilihat dalam konteks seni persembahan gambus yang banyak menggabungkan budaya asing. Walau bagaimanapun, industri seni hari ini semakin berubah dengan penghasilan karya kontemporari yang cuba menggabungkan elemen tradisional dengan karya dimensi baru. Kesannya, kesenian tradisional seperti seni persembahan gambus semakin terpinggir oleh arus kemodenan.

Oleh itu, penubuhan organisasi atau institusi yang kukuh amat penting untuk mengekalkan kelestarian seni persembahan gambus. Organisasi ini boleh diterajui oleh tokoh-tokoh gambus yang dihormati yang mempunyai peranan penting dalam memastikan kesinambungan seni ini. Jika di negara-negara maju dan negara jiran menganggap seni warisan bangsa mereka sebagai daya tarikan utama pelancong, mengapa tidak kita di Malaysia. Johor, sebagai sebuah negeri yang sinonim dengan kesenian gambus boleh menjadikan gambus sebagai tarikan utama pelancong ke negeri ini dan seterusnya menjadikan gambus sebagai salah satu kesenian yang dapat mengangkat nama Malaysia di persada dunia. Di sebalik ancaman pemodenan, usaha

untuk mengekalkan seni warisan bukanlah mudah. Dengan kesungguhan, iltizam, dan usaha bersama penggiat seni gambus, pendokong seni, dan semua pihak yang terlibat dalam usaha pelestarian, seni persembahan gambus dapat terus dikekalkan sebagai Warisan Negara. Ini adalah warisan yang akan memberikan pandangan yang berharga untuk generasi akan datang.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN


- Ab. Aziz Shuaib and Raja Iskandar Raja Halid. (2011). *The search for the middle path : islam and the traditional malay performings arts*. Digital Special Collection (UMK Repository).
- Abdoun, S. S. (2011). *the oud across arabic culture*. University of Maryland (DRUM).
- Benjamin, G. (2019). *Music and the cline of Malayness: Sounds of egalitarianism and ranking. Hearing South East Asia: Sounds of hierarchy and power in context, 87-116*.
- Bakri, M. A. M., & Sabran, K. (2023). *THE EVOLUTION OF GAMBUS: TRADITIONAL TO MODERN*. Jurnal Gendang Alam (GA), 13(1).
- Daniel Lerner and Lucille W. Pevsner. (1958). *The Passing of Traditional Society: Modernizing the Middle East*. New York: The Free Press.
- Francis, L. H. (2004). *The gambus lutes of the Malay world and their music in Peninsular Malaysia*.
- Giddens, A. (1990). *The Consequences Of Modernity*. *Choice Reviews Online*, 28 (03), 28–1843. Cambridge: Polity.
- Hilarian, L. F. (2005). *The structure and development of the gambus (Malay-lutes)*. *The Galpin Society Journal*, 58, 66-216.
- Hilarian, L. F. (2006). *The folk lute (Gambus), and its symbolic expression in Malay Muslim culture*.
- James, P. (2006). *Globalism, Nationalism, Tribalism: Bringing Theory Back In*. SAGE Publications Ltd.
- Joseph M. Kinzer. (2017). *Bodies of Sound, Agents of Muslim Malayness: Malaysian Identity Politics and the Symbolic Ecology of the Gambus Lute*.
- Lukmanul Hakim, Zulkifli Mohamad, dan Raja Raziff. (2014). *Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid Menurut Perspektif Fiqh dan Fatwa*.
- Mansor A. S. (1983). *Satu Kumpulan Esei: Media di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. (1992). *The Malay Traditional Music*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Anis Md Nor. (1993). *Zapin: folk dance of the Malay world*. Singapore : Oxford University Press.

- Matusky, Patricia & Tan Sooi Beng. (1997). *Muzik Malaysia; Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik*. Kuala Lumpur: The Asian Centre.
- Mohd Kipli Abdul Rahman, Rahimah A. Hamid & Nazarudin Zainun. (2013). *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Jld 1 Berasal Dari Akar*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Nizam Attan. (2013). *Gambus: Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan di Johor*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara.
- Mohd Fadzil Razali, Badrul Redzuan Abu Hassan dan Roslina Abdul Latif. (2016). *Pemuliharaan warisan terpinggir: menanggapi peranan medium sinema*. Jurnal Komunikasi Jilid 32(1): 208-223.
- M. Kinzer, J. (2017). *Bodies of Sound, Agents of Muslim Malayness: Malaysian Identity Politics and the Symbolic Ecology of the Gambus Lute*. Dissertation Doctor of Philosophy (Unpublished). University of Washington.
- Mohd Azmi bin Mohd Yusof. (2020). *Koleksi Terpilih Gambus Serantau*. Kuala Lumpur.
- Mohmad Azaman, A. (2020). Hero Pembuat Gambus Hadramaut. *Sinar Harian Online*.
- N. Muhammad Asyraf Mohd Bakri, Kamal Sabran. (2021). *Gambus Melayu And Its Therapeutics Purposes*. Department of New Media Design and Technology, School of Arts: Universiti Sains Malaysia, Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.
- Nurnabilla Binti Rosli. (2013). *Gambus sebagai seni warisan yang perlu dipelihara*. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif: Universiti Malaysia Sarawak.
- Rahmah Haji Bujang. (2007). *Wadah Wahana Seni Persembahan*.
- Raja Zulkarnain Raja Yusof. (2013). *ODU Warisan Seni dari Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Raja Zulkarnain Raja Yusof. (2017). *Gambus: Spesifikasi dan Cara Bermain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teuku Iskandar. (1984). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir. (1997). *Tradisi dan kemodenan dalam perkembangan budaya popular Melayu*. Dlm. Norazit Selat, Hashim Awang & Nor Hisham Omar (pnyt.) *Meniti Zaman: Masyarakat Melayu antara Tradisi dan Moden*. Hlm.47-72. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.


Zaharul Lailiddin Saidon. (2013). *Status Terkini Industri Kreatif Negara: Peluang & Cabaran. Seminar Hala Tuju Sekolah Seni Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN